

Jilid I  
Bil. 35



Hari Selasa  
25hb November, 1986

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KETUJUH

*Seventh Parliament*

PENGGAL PERTAMA

*First Session*

## KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 4873]

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.28 hingga B.32 [Ruangan 4910]

Maksud B.33 [Ruangan 4913]

Maksud B.34 [Ruangan 4972]

### USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1987

Jawatankuasa—

Maksud P.28, P.31 dan P.58 [Ruangan 4910]

Maksud P.33 [Ruangan 4913]

Maksud P.34 [Ruangan 4972]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tengah).
- „ TUAN ABDOL MULO AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

- Yang Berhormat TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,  
B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N, P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak  
Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N.  
(Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA,  
P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,  
A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- Yang Berhormat TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG, B.S.K. *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.K. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- Yang Berhormat **TUAN TIEU SUNG SENG** *alias* **TIU SIING SENG** (Sibu).
- „ **TUAN TING CHEK MING** (Batu Gajah).
- „ **TUAN TING LING KIEW** (Bintulu).
- „ **TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID**, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ **TUAN YAHYA BIN MOHD. SHAFIE** (Tambun).
- „ **PUAN ZAINABON** *alias* **ZAINAB BINTI ABU BAKAR** (Tebrau).
- „ **DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI**, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ **DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN**, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ **TUAN ZUBIR BIN EMBONG** (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.



MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Selasa, 25hb November, 1986

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

## MENARIK BALIK SOALAN

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad.

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Soalan ini ditarik balik, Tuan Yang di-Pertua, kerana sudah dijawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih. Yang Berhormat Drs Suleiman bin Mohamed.

*(Soalan No. 2 Y.B. Drs Suleiman bin Mohamed tidak hadir).*

## LESEN TEKSI—PERMOHONAN

3. **Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan mengapa proses memberi lesen teksi dan sebagainya mengambil masa begitu lama, kadangkala sampai bertahun-tahun baru diberitahu tentang penolakan Lembaga dan sama ada beliau sendiri akan mengambil berat tentang masalah ini dan mengambil alih kuasa dari Lembaga Pelesenan yang jarang-jarang bermesyuarat dan lembab di dalam mengatasi masalah tersebut.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, pada amnya, permohonan mendapatkan lesen-lesen daripada Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan (LPPJ) dapat diberikan keputusan dalam tempoh kurang daripada setahun. Purata masa yang diambil oleh LPPJ ialah di antara 5 hingga 12 bulan.

Cepat atau lambat satu-satu permohonan itu dapat diberikan keputusan banyak bergantung kepada lengkap atau tidaknya borang-borang permohonan diisi dan maklumat-maklumat tambahan yang diberi oleh pemohon baik yang disertakan dengan borang ataupun menerusi temuduga yang diadakan. Walaupun panduan mengisi borang ada diberikan bersekali dengan borang-borang permohonan tertentu dan penjelasan diberi oleh kakitangan-kakitangan LPPJ di kaunter, masih terdapat ramai pemohon-pemohon yang tidak mengisi borang permohonan masing-masing dengan sempurna. Ini memerlukan pertukaran surat-menyurat yang banyak di antara LPPJ dan pemohon yang mengambil masa yang agak panjang.

Untuk mengatasi masalah ini, LPPJ telah mengambil tindakan memulangkan semula borang permohonan yang tidak diisi dengan sempurna dan permohonan-permohonan yang tidak disertai dengan maklumat-maklumat yang cukup dengan memberikan panduan-panduan supaya mereka mengembalikan borang-borang yang

lengkap diisi. Hanya permohonan-permohonan yang sempurna sahaja didaftar dan dipertimbangkan. Cara ini membolehkan LPPJ memberi tumpuan yang penuh kepada permohonan-permohonan yang patut ditimbangkan sahaja dan dengan ini keputusan yang lebih cepat dapat dibuat.

Soalan yang kedua adalah tidak begitu tepat, dakwaan bahawa Lembaga LPPJ jarang bermesyuarat dan agak lembab. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, bagi tahun 1985 misalnya, sebanyak 182 mesyuarat temuduga dan 24 mesyuarat penuh Lembaga telah diadakan. Bagi tahun 1986 pula, sebanyak 115 mesyuarat temuduga dan 20 mesyuarat penuh Lembaga telah diadakan sehingga bulan Oktober.

Kuasa menimbang dan mengeluarkan lesen-lesen kenderaan perdagangan adalah di bawah Bab V Ordinan Lalulintas 1958 dan diberikan kepada LPPJ. Menteri Perusahaan Awam sebagai Menteri yang dipertanggungjawabkan berkait dengan LPPJ juga diberi kuasa di bawah Ordinan tersebut antara lain untuk memberi arahan-arahan tertentu kepada LPPJ. Dengan demikian, soalan mengambil alih kuasa LPPJ yang disyorkan itu tidak berbangkit.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, apakah ada kuota-kota tertentu ataupun keutamaan-keutamaan tertentu kepada pihak-pihak tertentu seperti bekas-bekas perajurit dan lain-lain lagi dalam pengeluaran lesen-lesen teksi?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang bersimpati dengan mereka yang berjasa besar kepada Kerajaan, apatah lagi bekas-bekas perajurit atau bekas tentera dan bekas polis dan

sebagainya. Oleh yang demikian Kerajaan memberikan beberapa kemudahan seperti pemohon teksi yang selalunya memerlukan mempunyai lesen kenderaan "public service vehicle" yang lama tetapi bagi bekas-bekas perajurit kita kurangkan masa mempunyai lesen "public service vehicle" itu misalnya setahun, tetapi bagi orang lain lebih daripada itu. Selain daripada itu juga kita memberi perhatian kepada permohonan-permohonan itu walaupun kadangkala-kadangkala permohonan itu kurang daripada syarat-syarat biasa.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar keperluan menambahkan lesen teksi bagi penduduk-penduduk luar bandar memandangkan di luar bandar kenderaan-kenderaan seperti bas dan lain-lain belum lagi mencukupi manakala kemudahan pengangkutan begitu terhad bagi pergerakan penduduk-penduduk luar bandar? Kerana kita tahu banyak lesen-lesen teksi yang dipohon oleh penduduk luar bandar tetapi nampaknya masih banyak lagi yang belum mendapat jawapan.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, setiap lesen khususnya lesen teksi yang dipohon perlu dikaji tempat-tempat pengkalannya kerana kadangkala terdapat terlalu banyak permohonan teksi pada satu pengkalan yang menyebabkan sekiranya diluluskan kesemuanya kemungkinan tidak akan menjadi "viable" kepada pembawa-pembawa teksi ataupun kepada pemunya lesen-lesen tersebut. Maka oleh sebab yang demikian kita perlu mengkaji dan kadangkala kita tidak dapat maklumat yang sepenuhnya mengenai pengkalan-pengkalan tersebut. Kadangkala pengkalan yang dipohon itu hampir begitu dekat sekali tetapi disebabkan oleh nama tempat

itu berlainan kita ragu kalau-kalau kita luluskan begitu kemungkinan terlebih sangat teksi diluluskan kerana pengkalan terlalu dekat. Oleh yang demikian kita perlu mendapat nasihat daripada Pejabat Daerah dan sebagainya sebelum setiap kelulusan itu dibuat.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, apakah syarat-syarat utama yang dikehendaki oleh Lembaga Pelesenan untuk menimbang sesuatu permohonan mendapat permit teksi. Yang kedua, sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa terdapat si pemohon yang mana beliau telah memandu teksi selama 10 tahun ke atas tetapi beliau tidak berjaya mendapatkan permit ini?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, pemohon-pemohon lesen teksi hendaklah mengetahui tempat-tempat yang mana permit masih lagi dibuka. Tetapi banyak tempat yang telah dibekukan, misalnya di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, Petaling Jaya, Lapangan Terbang Subang, Johor Bahru, Melaka dan Perlis, misalnya tempat-tempat ini telah pun dibeku permohonan teksi kerana banyak permit yang telah dipohon diluluskan.

Mengenai pemohon-pemohon yang 10 tahun belum dapat permit itu mungkin belum membuat permohonan di kawasan-kawasan yang telah dibekukan tetapi kalau ada kawasan-kawasan yang belum dibekukan memang boleh diberikan pertimbangan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya memang menjadi dasar Lembaga dan Kementerian supaya tidak lagi memberikan lesen-lesen teksi kepada orang yang tidak memandu sendiri.

## MUZIK ROCK

**4. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) mengenai penubuhan Jawatankuasa Bersama dengan Kementerian Penerangan di dalam usaha untuk mengawal rancangan-rancangan yang akan disiarkan oleh media elektronik di negara kita; dan
- (b) apakah langkah awal yang dibuat untuk mengharamkan sebarang bentuk kebudayaan yang boleh mencemarkan budaya kita, contohnya muzik rock di negara kita.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sudah saya jawab pada hari semalam semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Pagoh. Saya tidak ada apa-apa tambahan lagi.

## PENDIDIKAN PRA SEKOLAH

**5. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Pelajaran menjelaskan mengenai langkah-langkah yang telah dibuat untuk menyelaraskan dan mengawal pendidikan pra-sekolah supaya tidak timbul pertentangan dengan usaha tertentu menanam bibit anti perpaduan ummah dan anti nasional.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ullis):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang ada mengambil langkah-langkah tertentu untuk menyelaraskan dan mengawal pendidikan pra sekolah di negara ini. Di antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) menyediakan satu garis panduan Kurikulum Pra Sekolah Malaysia dan

menggalakkan pusat-pusat pendidikan para sekolah swasta dan pendidikan untuk menggunakannya;

- (ii) mewajibkan semua Pusat Pendidikan Pra Sekolah Swasta dan Pra Persendirian mendaftar dengan Kementerian Pelajaran. Pusat-pusat yang berunsurkan agama Islam pula dikehendaki mendaftarkan dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam atau Majlis Agama Islam Negeri di negeri masing-masing.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian mengadakan satu bahagian khas untuk menguruskan hal-hal pra sekolah ini dan apakah itu kurikulum sekarang untuk kelas-kelas pra sekolah sama ini telah dilaksanakan atau akan dilaksanakan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai kurikulum yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pelajaran memang sudah dikeluarkan tetapi ini ialah satu cara bentuk bantuan diberi oleh pihak Kementerian Pelajaran kepada pusat-pusat pra sekolah yang ada di negara kita ini. Ada juga yang memang berminat menggunakannya terutama sekali agensi-agensi Kerajaan, tetapi ada yang belum lagi menaruh minat untuk melaksanakan kurikulum yang kita perkenalkan kepada mereka. Namun demikian kita sentiasa berharap supaya bantuan yang diberikan oleh kita ini akan digunakan oleh semua pihak pusat-pusat pra sekolah di negara kita.

Kawalan-kawalan yang saya kata tadi ialah kawalan berbentuk pendaftaran di pihak Kementerian Pelajaran. Ini ialah bahagian yang bertanggungjawab untuk mengawal akan aktiviti-aktiviti ataupun apa yang dibuat oleh pihak badan-badan pra sekolah ini. Namun demikian, pihak-pihak lain yang bertanggungjawab ialah saya rasa pihak kurikulum di

samping mungkin ada hubung kait dengan bahagian yang menjalankan tugas mengawasi akan aktiviti ini.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah jumlah pra sekolah di seluruh negara dan berapakah jumlah pelajar-pelajarnya?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan Pusat Tadika pra sekolah di negara ini tidak termasuk yang kita belum perolehi dari mana-mana bahagian dan setakat ini kita perolehi ialah 5,747 buah pusat dan bilangan pelajar yang kita setakat ini mengetahui ialah 293,801 orang.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah Kerajaan bercadang menutup taman-taman pendidikan pra sekolah yang tidak mendaftar atas nama pendidikan pra sekolah sebaliknya menggunakan atas nama kelas agama untuk ditutup terutamanya di negeri Terengganu?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini ialah di bawah jagaan Pusat-pusat Agama di negeri masing-masing. Dan memang kita ada wujudkan sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat sendiri dan Jawatankuasa ini akan mengkaji dan membuat perancangan meliputi langkah-langkah yang diambil mengenai Pusat-pusat yang tersebut itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ting Chek Ming.

*(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Ting Chek Ming tidak hadir)*

#### IKLAN DI RTM/TV3— KUTIPAN HASIL

7. **Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Penerangan menyatakan

berapakah jumlah kutipan hasil yang diperolehi oleh RTM dan TV3 atas iklan-iklan yang disiarkan bagi tahun 1985 dan sehingga 30hb September, 1986 dan apakah lain-lain bentuk hasil yang diperolehi oleh RTM dan TV3 selain dari iklan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, kutipan hasil dari iklan-iklan yang disiarkan oleh RTM dalam tahun 1985 adalah sebanyak \$91.1 juta iaitu \$82.9 juta dari TV dan \$8.2 juta dari radio.

Jumlah kutipan itu bagi tahun 1986 setakat bulan September ialah sebanyak \$55 juta iaitu \$49.6 juta dari TV dan \$5.4 juta dari radio.

Hasil daripada aktiviti-aktiviti pelesenan radio dan TV bagi tahun 1985 adalah sebanyak \$40.6 juta dan bagi tahun 1986 hingga bulan September sebanyak \$28.8 juta. Hasil pelbagai bagi tahun 1985 sebanyak \$59,160.99 dan bagi tahun 1986 hingga September sebanyak \$157,805.07. Hasil kutipan oleh TV3 tidak diketahui kerana Kementerian saya tidak mengawasi aktiviti perniagaan TV3.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berapakah anggaran kerugian kita dari segi hasil apabila kita tidak mengiklankan rokok dan juga saya ingin bertanya sama ada Kementerian beliau bercadang untuk mengiklankan semula rokok-rokok di RTM.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa RTM tidak bercadang untuk mengiklankan semula iklan-iklan rokok di TV dan Radio dan iklan-iklan seumpama ini telah pun diharamkan sejak tahun 1982 lagi. Dan masalah kerugian itu saya minta maaf kerana di sini saya

tidak mempunyai angka-angka yang berkenaan tentang sebanyak mana kerugian jika ada rugi. Dan saya sendiri pun tidak pasti sama ada ia rugi ataupun tidak.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapati soal iklan rokok ini dibuat dengan dua cara - satu, secara langsung menunjukkan rokok, satu lagi secara tidak langsung iaitu secara tersirat umpamanya iklan Bensen and Hedges dan sebagainya. Jadi, sekiranya pengiklanan seperti ini ditarik balik, apakah implikasinya terhadap umpamanya penggalakkan sukan ataupun siaran secara langsung yang selalunya ditajakan oleh syarikat-syarikat seperti itu?

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memang semasa mengkaji rangka iklan, Kementerian memastikan bahawa cadangan iklan itu tidak menggambarkan langsung rokok ataupun kotak rokok ataupun alat-alat yang berkait dengan tembakau. Tetapi walau bagaimanapun cap nama ataupun jenama sahaja tidaklah ditegah sehingga setakat ini kerana jenama bagi iklan yang berkenaan mendorong kepada barangan ataupun perkhidmatan yang diiklankan itu.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen, apakah garis panduan sesuatu iklan itu dikeluarkan, umpamanya terdapat iklan-iklan yang tidak kena-mengena dengan wanita tetapi wanita yang mengambil peranan dalam iklan tersebut. Saya ingin tahu bagaimana garis panduan yang dibuat oleh Kementerian Penerangan mengenai jenis iklan ini.

Yang kedua, selain daripada iklan-iklan tadi, apakah jenis-jenis iklan yang banyak membawa hasil kepada T.V. ini.? Terima kasih.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak RTM mempunyai kod pengiklanannya yang tersendiri dan mempunyai syarat-syarat yang tertentu yang terkandung dalam kod-kod yang berkenaan. Sebenarnya syarat-syarat itu banyak, di antara syarat-syarat yang berkenaan ialah antara lain iklan-iklan itu hendaklah mematuhi undang-undang negara dan bertatasusila, iklan-iklan itu hendaklah menonjolkan kebudayaan dan identiti Malaysia, mencerminkan negara yang berbilang kaum serta memupuk prinsip Rukunegara. Di antara syaratnya ialah watak-watak dalam suatu iklan itu hendaklah sejajar dengan polisi Dasar Ekonomi Baru dan juga tidak menggambarkan perkara-perkara yang boleh menimbulkan nilai-nilai negatif terhadap penonton-penonton.

Tentang soalan yang kedua mengenai jenis iklan yang banyak membawa hasil, saya minta maaf kerana saya kurang pasti perkara ini dan ini sudah tentu memerlukan angka-angka yang tertentu dan saya mohon minta notis.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa terdapat kontradiksi atau pertentangan dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan membeli barangan Malaysia dengan iklan yang disiarkan di dalam TV banyak daripada barang-barang luar negeri dan apakah dasar kita dalam soal ini?

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak sedar tentang wujudnya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Titiwangsa tentang adanya kontra dengan hasrat Kerajaan terhadap iklan-iklan kita dan sekiranya ada, saya amat gembira sekalilah sekiranya Yang Berhormat yang berkenaan

dapat membuat laporan kepada kita untuk kita mengambil tindakan-tindakan tertentu.

### TANAH TERBIAR— MEMULIHKAN

**8. Tuan Mohamad bin Abdullah** minta Menteri Pertanian menyatakan di antara tujuan Dasar Pertanian Negara untuk meninggikan pendapatan penduduk luar bandar dengan menggunakan sepenuhnya tanah-tanah terbiar bagi tujuan pertanian. Setakat ini tanah-tanah terbiar di luar bandar masih banyak lagi yang belum diusahakan. Apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mempercepatkan supaya tanah-tanah terbiar tersebut diusahakan untuk menambahkan pendapatan penduduk luar bandar.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu iaitu Kementerian Pertanian dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Pembangunan Wilayah adalah terlibat di dalam usaha-usaha untuk memulihkan tanah terbiar.

Kementerian Pertanian adalah bertanggungjawab untuk menyelaras pembangunan dan pemulihan sawah terbiar sementara Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah bertanggungjawab ke atas program pemulihan tanah terbiar yang lainnya.

Kementerian Pertanian telah mengambil langkah-langkah untuk mempercepatkan dan mempergiat pemulihan sawah terbiar. Di antara langkah-langkah tersebut termasuklah menyediakan peruntukan kewangan yang secukupnya bagi membiayai penyediaan kemudahan infrastruktur dan keperluan kredit pertanian.

Kementerian ini juga telah memperkenalkan beberapa kaedah perancangan dan pelaksanaan

program-program untuk memulihkan sawah terbiar. Jentera perancang dan penyelarasan di peringkat akar umbi seperti Jawatankuasa Perancangan dan Perhubungan di antara Agensi-agensi di peringkat-peringkat Negeri dan Daerah telah ditubuhkan dengan tujuan di antaranya untuk mengenalpasti dan menyelaras projek-projek pemulihan sawah terbiar. Melalui majlis dialog dan perbincangan tuan-tuan tanah yang terlibat akan diberi maklumat dan nasihat mengenai cadangan untuk memulihkan tanah tersebut dengan tanaman-tanaman yang menguntungkan. Projek-projek tersebut boleh diusahakan oleh mereka sendiri secara berkelompok, mini estet, perseorangan dengan bantuan Jabatan/Agensi berkaitan atau diserahkan kepada pihak yang berminat termasuk syarikat swasta, Pertubuhan Peladang Kawasan, petani siswazah dan sebagainya.

Bagi petani-petani yang memiliki tanah di dalam kawasan Projek-projek Pertanian Bersepadu, mereka juga boleh menyertai program pemulihan sawah terbiar yang dijalankan oleh IADP di kawasan masing-masing.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian juga telah mengarahkan Pertubuhan-pertubuhan Peladang Kawasan mengenalpasti kawasan dan tuan tanah di kawasan pengendalian masing-masing yang boleh dimajukan. Maklumat yang dikumpul tersebut disampaikan kepada Unit Penswastan dan Pelaburan, Kementerian saya untuk disebarkan kepada pihak swasta, petani siswazah atau pihak yang berminat untuk memajukan sawah terbiar dengan tanaman atau perusahaan yang sesuai.

Perlulah ditegaskan di sini bahawa kejayaan langkah-langkah untuk memulihkan sawah terbiar dan tanah terbiar yang lain adalah bergantung rapat kepada sambutan dan kerjasama

tuan-tuan tanah dan pengusaha-pengusaha yang terlibat. Setakat ini Kementerian dengan kerjasama Jabatan/Agensi lain telah berjaya memulihkan lebih daripada 30,000 hektar sawah dengan pelbagai tanaman yang sesuai. Kementerian akan meneruskan usaha-usaha untuk memulihkan sawah terbiar dan berharap akan mendapat kerjasama dari semua pihak yang terlibat.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin merujuk kepada satu soalan mengenai tanah terbiar di negeri Sarawak yang mana 75% dari jumlah tanah pertanian ialah tanah terbiar dan ia merupakan tanah terbiar yang disebabkan oleh amalan shifting cultivation, dengan izin, dan sejauh mana yang saya tahu tidak ada kajian dijalankan ke atas masalah ini di negeri Sarawak.

Yang keduanya apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini dan soalan saya ialah, apakah tindakan yang wajar akan diambil oleh Kementerian Pertanian?

Yang ketiga, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bertujuan untuk melawat negeri Sarawak masuk dalam hutan menyaksikan kejadiannya sendiri untuk mengkaji masalah ini?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, tanah ialah dikawal oleh Kerajaan Negeri dan setakat ini Kementerian saya tidak ada apa-apa tindakan berhubung dengan negeri Sarawak untuk mendapat balik tanah terbiar untuk sawah padi dan kalau dapat jempunan, saya rasa Kementerian saya bolehlah pergi ke negeri Sarawak dan boleh berhubung dengan Kerajaan Negeri Sarawak.

**Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang

dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapannya sebentar tadi ada banyak bilangan agensi-agensi yang terlibat dalam proses pelaksanaan program tanah terbiar ini.

Saya hendak bertanya, pertama sekali ialah apakah di dalam pelaksanaan program-program itu kedapatan pertindihan-pertindihan kerja di antara satu agensi dengan agensi yang lain dan setakat ini daripada kira-kira 30,000 hektar yang telah dimajukan sejauh manakah program-program itu telah dapat memberikan kesan kepada pulangan ataupun pendapatan petani-petani yang menjalankan kegiatan-kegiatan tersebut?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, program untuk memajukan tanah terbiar berjaya mendapat balik 30,000 hektar dimajukan tetapi setakat ini kita tidak dapat apa-apa keputusan mengenai pendapatan petani-petani yang mengambil balik tanah terbiar itu.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, kita ada banyak sawah terbiar, sambil itu pula kita juga mempunyai petani yang tidak cukup sawah untuk dikerjakan, kalau ada pun bidang sawahnya kecil ataupun tidak ada tanah sawah langsung. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah program ataupun rancangan untuk membantu pesawah-pesawah yang kecil ini untuk diberi bantuan untuk menyewa sawah-sawah supaya operasi mereka ataupun bidang operasi mereka itu dapat diperbesarkan supaya pendapatan dapat dipertingkatkan.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi bantuan kepada petani-petani yang ada tanah yang terlalu kecil, kita ada program-program untuk mengumpul

mereka dan menubuhkan mini estet di kawasan-kawasan dan juga mengenal petani-petani kepada tuan tanah terbiar untuk mendapatkan kerjasama di antara petani-petani dan tuan-tuan tanah terbiar itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, jangka masa (time frame) untuk mengatasi masalah tanah terbiar, untuk kepentingan negara atau Kerajaan tidak ada apa-apa target untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tanah terbiar sawah jumlahnya ada lebih-kurang 160,000 hektar dan tanah terbiar yang lain adalah lebihkurang 800,000 hektar. Dan program untuk memajukan tanah terbiar ini adalah satu program yang baharu dan setakat ini kita tidak ada target yang kita boleh mengatasi masalah ini.

#### DAERAH POLIS DI SEMENANJUNG MALAYSIA

9. **Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah daerah polis di Semenanjung Malaysia pada 31hb Ogos, 1970 dan 31hb Ogos, 1986.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daerah polis yang terdapat di Semenanjung Malaysia pada 31 Ogos, 1970 ialah berjumlah 71 dan pada tanggal 31 Ogos, 1986 ialah 81.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, saya ingin mendapat tahu, apakah pangkat yang perlu diadakan untuk memegang jawatan KPD sekarang. Dan adakah Kerajaan bercadang untuk meninggalkan pangkat ini oleh kerana ini ada banyak KPD yang muda dan yang tidak bertanggungjawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, yang dikehendaki ialah jumlah daerah polis bukan pangkat-pangkat dan sebagainya.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu kriteria-kriteria yang dipakai untuk menentukan sesuatu daerah polis kerana kadangkala kita terdapat daerah polis lebih kecil daripada daerah pentadbiran dan kadangkala terdapat daerah polis lebih besar dari daerah pentadbiran, apakah kriteria-kriteria yang dipakai oleh pihak Kerajaan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, daerah polis atau bahagian polis adalah ditakrifkan mana-mana kawasan yang ditetapkan sedemikian oleh Ketua Polis Negara di bawah Seksyen 6(b) Akta Polis 1967. Dan melainkan dan sehingga kawasan yang ditetapkan sedemikian ertinya mana-mana kawasan yang dibentuk atau diiktiraf sebagai daerah polis atau bahagian polis pada masa Akta ini mula berkuatkuasa. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, kajian dibuat dari semasa ke semasa bagi menentukan sama ada perlu mewujudkan daerah-daerah yang baru atau tidak. Di samping itu Jabatan Polis juga sedang mengkaji tentang persamaan sepertimana yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi iaitu daerah-daerah sivil dan juga daerah-daerah polis. Untuk pengetahuan Yang Berhormat yang sebenarnya daerah polis yang lebih banyak daripada daerah sivil sendiri.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada kuasa Ketua Polis untuk menentukan bilangan daerah polis, adakah kriteria yang tertentu termasuklah bilangan penduduk dan sebagainya untuk menentukan keperluan menambahkan daerah-daerah polis itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tadi bukannya yang dijawab soal itu?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Begitulah, Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)*

**Tuan Gooi Hock Seng:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu adakah benar pada masa ini di antara daerah-daerah polis sekarang tidak ada langsung seorang OCPD dari kaum bukan bumiputera. Jika ya, apa sebab-sebabnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa soalan itu terkeluar daripada soalan asal.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan, bahawa dalam tahun 1970, 71 daerah polis dan ia meningkat kepada 81 dalam tahun 1986. Dan oleh kerana setiap daerah polis memerlukan Ketua Polis Daerah supaya menentukan keselamatan dapat dikawal dan sebagainya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan, apakah pangkat yang digunakan untuk menentukan siapa yang layak menjadi KPD untuk mengawal keselamatan daerah-daerah polis ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia hendak "corner" balik. Saya tidak benarkan *(Ketawa)*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

*(Soalan No. 10 Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir)*

#### LAWATAN KE CHINA— SYARAT-SYARAT

**11. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada

Kerajaan akan melonggarkan syarat-syarat bagi rakyat Malaysia melawat atau melancong ke Negeri Republik Rakyat China. Jika tidak, mengapa.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun melonggarkan syarat-syarat dan peraturan bagi rakyat Malaysia melawat Republik Rakyat China dari semasa ke semasa. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, pada masa ini Kerajaan memberi kebenaran kepada warganegara Malaysia melawat Republik Rakyat China bagi tujuan-tujuan berikut:

- (i) melawat keluarga terdekat (ibu, bapa, suami, isteri, adik beradik dan anak-anak);
- (ii) mendapat rawatan perubatan;
- (iii) melawat Pameran Perdagangan Canton;
- (iv) Lawatan Sosial oleh warganegara keturunan China yang berumur 60 tahun ke atas;
- (v) Lawatan Ekonomi dan Perdagangan oleh Wakil-wakil syarikat.

Selain daripada 5 kategori di atas, Kerajaan juga menimbang lain-lain jenis permohonan mengikut merit tiap-tiap kes seperti:

- (i) mengikut atau melawat suami yang berkhidmat di Republik Rakyat China bagi tempoh melebihi setahun;
- (ii) menyertai pertandingan sukan di peringkat antarabangsa seperti badminton;
- (iii) menghadiri seminar/bengkel/mesyuarat yang dianjurkan oleh badan-badan antarabangsa;
- (iv) atas urusan rasmi Kerajaan.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Sejak Kerajaan mengenakan syarat-syarat untuk lawatan ke Republik Rakyat China (RRC), adakah terdapat orang-orang dari negara ini melawat ke RRC secara haram, jika ada, apakah tujuan lawatan orang-orang tersebut dan apakah tindakan yang boleh diambil terhadap mereka.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat setengah-setengah daripada rakyat kita yang melawat negeri China tanpa pengetahuan kita, tetapi apabila mereka kembali kita mengetahui bahawa mereka telah pun pergi ke negeri China dan ada daripada setengah mereka, passport antarabangsanya telah pun dimansuhkan.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ada 5 kategori yang dibenarkan melawat negeri China. Saya ingin bertanya sejak 1985 hingga bulan September, 1986 berapakah jumlah kategori-kategori yang disebutkan tadi yang telah melawat ke negara tersebut?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Behormat hendak minta notis?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada jawapannya?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Ya, ada jawapannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, daripada tahun 1985 yang melawat keluarga - 2,186 orang. Lawatan perubatan - 76 orang. Pameran Perdagangan Canton - 814 orang. Orang tua 60 tahun ke atas - 2,832 orang. Ekonomi dan

perdagangan - 410 orang. Lain-lain tujuan - 265 orang. Jumlah - 6,583 orang.

Dan setakat bulan ini 1986, semua kategori ini berjumlah 9,493 orang.

**Tuan Hu Sepang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai salah satu kategori iaitu untuk membuat lawatan sosial untuk rakyat Malaysia keturunan Cina yang berumur 60 tahun ke atas, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah cara diambil untuk memproses permohonan-permohonan itu dan adakah juga Kementerian berkenaan bercadang menurunkan umur 60 tahun itu ke bawah, misalnya 50 tahun, sebab umur 60 tahun itu adalah terlalu tinggi walaupun mereka dapat kebenaran melawat China, mereka ada kesusahan berjalan, sebab negara itu adalah begitu luas dan besar (*Ketawa*).

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, permohonan untuk pergi melawat ke negeri China untuk kategori sosial iaitu selepas 60 tahun adalah diadakan secara biasa, dengan mengisi borang melalui saluran-saluran yang tertentu dan apabila ditolak, bolehlah menghantar rayuan kepada Menteri atau kepada Timbalan Menteri.

Tentang menurunkan umur ini daripada 60 tahun kepada umur yang lebih muda, Yang Berhormat sendiri sebagai Wakil Rakyat, gunakan Dewan yang mulia ini untuk kepentingan rakyat menyuarakan perkara ini.

## HUTANG NEGARA

**12. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan hutang asing kerana hutang asing Malaysia adalah sebanyak \$44 billion setakat bulan Jun 1986.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa hutang asing negara terdiri daripada hutang Kerajaan Persekutuan sebanyak \$24,870 juta, hutang agensi-agensi Kerajaan yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak lebih kurang \$10,290 juta dan yang lainnya kira-kira \$10,000 juta adalah pinjaman oleh pihak swasta menjadikan semuanya \$45,160 juta.

Tuan Yang di-Pertua, pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan adalah untuk melaksanakan projek-projek pembangunan dan Kerajaan sentiasa menyedari bahawa negara kita tidak boleh terus membuat pinjaman, memandangkan kepada kesan yang mungkin timbul dari beban hutang yang berlebihan. Selaras dengan itu, Kerajaan telah sejak beberapa tahun kebelakangan ini mengurangkan pinjamannya dari sumber luar negeri.

Di samping itu juga Kerajaan melalui Bank Negara telah memperketatkan syarat-syarat bagi pihak swasta membuat pinjaman dari luar negeri untuk terus mengurangkan hutang negara walaupun jumlah hutang asing negara telah meningkat sedikit dari tahun ke tahun tetapi peratusan tambahan tahunan pada keseluruhannya telah berkurangan iaitu dari 5.8% dalam tahun 1982 kepada kira-kira 10% dalam tahun 1986. Dan dengan secara langsung tindakan-tindakan ini telah mengurangkan jumlah tambahan wang yang perlu dipinjamkan dari sumber-sumber luar negara.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap jawapannya yang begitu lengkap. Berkenaan dengan hutang

ini, saya rasa bukanlah sesuatu yang tidak baik, kalau kita berhutang dengan banyak. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jangan beri syarahan, buat pertanyaan.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya bukan hendak bersyarah, tetapi saya hendak beri alasan dahulu sebelum membuat pertanyaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Jadi saya hendak katakan bahawa hutang asing ini tidak semestinya sesuatu yang tidak baik kalau kita berhutang, kalau kita ada kemampuan untuk membayar. Jadi sepanjang yang saya tahu kedudukan hutang negara kita tidaklah begitu teruk bertanding dengan lebih 15 buah negara-negara membangun yang terbaik di dunia, kerana kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain, kita adalah kedudukan yang bagus.

Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan langkah-langkah sedang diambil untuk mengurangkan hutang asing tetapi saya rasa sekiranya kita ada kemampuan, elok rasanya, kalau ada langkah-langkah. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta buat pertanyaan.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya memandangkan hutang asing bukanlah sesuatu yang tidak baik, adakah langkah-langkah selain daripada hendak mengurangkan hutang asing itu kita memperbanyakkan lagi hutang untuk pembangunan negara, kerana saya tahu negara-negara lain yang membangun lebih banyak hutang asingnya, tiga empat kali ganda daripada Malaysia.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada Ahli-ahli Pembangkang dalam Dewan ini, mungkin kita buat agaknya (*Ketawa*).

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dari jumlah negara-negara asing yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, namakan negara-negara asing yang kita meminjam wang dengan jumlahnya dan berapakah tiap-tiap negara itu yang kita pinjam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah minta notis?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun ada angkanya ini tetapi kalau hendak dibaca, saya rasa tidak ada makna.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, terlalu panjang.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Kalau Tuan Yang di-Pertua suruh saya baca, saya baca.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payahlah.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di antara hutang asing yang berjumlah \$45.16 billion, adakah mana-mana OBA (Off-Budget Agencies), dengan izin, yang berjumlah 307 buah yang mengalami kerugian \$2 billion juga terlibat dalam pinjaman daripada negara-negara asing dan sekiranya ada, berapa buah dan berapakah kerugian yang dialami melalui pinjaman yang dibuat oleh agensi-agensi ini yang sekarang ini tidak dapat membayarnya balik.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi hutang sebanyak \$10,290 juta adalah hutang-hutang yang dibuat oleh agensi-agensi Kerajaan, termasuk OBA seperti yang disebutkan oleh

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tadi, yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan. Tetapi saya tidak dapat memberikan satu persatu nama-nama syarikat-syarikat berkenaan dan juga angka-angka secara terperinci di sini.

### SIASATAN KES ADUAN DI BALAI POLIS TAMPIN

**13. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil siasatan berkaitan dengan:

- (a) penuduhan terhadap beberapa orang pegawai Polis di Balai Polis Tampin memukul Gan Poh Sun merujuk aduan Polis di Melaka Tengah Pol 55 HZ 30572; dan
- (b) kemungkinan pengarah-pengarah dari sebahagian koperatif yang menerima wang simpanan (Deposit-taking cooperatives) memecah amanah.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama Ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa pihak Polis masih meneruskan siasatan ke atas aduan tersebut. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan berkaitan dengan aduan ini telah tergendala kerana pengadu telah menghilangkan diri selepas membuat aduan dan pihak Polis tidak dapat memperolehi beberapa keterangan lanjut yang hanya boleh diberi oleh pengadu yang hilang itu.

Mengenai soalan kedua Ahli Yang Berhormat, pihak Polis, atas permintaan Bank Negara Malaysia, sedang menjalankan siasatan terhadap 8 buah koperasi yang menerima wang deposit. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, hasil siasatan setakat ini, seramai tiga orang pegawai koperasi telah dihadapkan di mahkamah atas tuduhan pecah

amanah, jenayah dan satu atas tuduhan bersubahat untuk melakukan pecah amanah jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, siasatan Polis masih diteruskan terhadap koperasi-koperasi ini dan saya tidaklah bercadang untuk memberi apa-apa maklumat tambahan supaya tidak menjejaskan proses siasatan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan bahagian (a), saya hendak bertanya Timbalan Menteri Dalam Negeri, apakah kedudukan Pegawai Polis di Balai Polis Tampin itu yang dituduh memukul Encik Gan Poh San, adakah mereka masih berada di Balai Polis Tampin itu atau mereka sudah dihantar ke negeri lain?

Soalan kedua, adakah Timbalan Menteri Dalam Negeri boleh memberikan satu jaminan bahawa pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang terlibat dalam skandal koperasi itu akan mendapat satu pengadilan kepada depositors, iaitu dihadapkan ke mahkamah seperti yang dilaporkan dalam Kertas Putih ini terdapat seorang pemimpin UMNO iaitu Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai yang dikatakan "conflict of interest", dengan izin, dan juga melibatkan seorang pemimpin MCA, Ketua Pemuda MCA iaitu Encik Kee Yong Wee. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri memberikan satu jaminan bahawa tindakan akan diambil terhadap mereka itu? (*Tepuk*)

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, atas soalan yang pertama tadi, oleh kerana keterangan tidak lengkap lagi, maka tidak dapatlah kita mengambil tindakan, walaupun ada tuduhan kepada seseorang itu.

Yang kedua, sudah menjadi kebiasaan Kerajaan Barisan Nasional selama 30 tahun ini, sesiapa sahaja

warganegara yang bersalah, kita akan mengambil tindakan setimpal dengan kesalahannya, tak kira daripada parti mana (*Tepuk*).

### PEMBINAAN SEKOLAH-SEKOLAH

**14. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pelajaran memberitahu Dewan ini di dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan bercadang membina berapa buah Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tionghua dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Dan juga bilangan wang peruntukan pada tahun 1986 kepada pelbagai jenis sekolah rendah mengikut pecahan jenis itu.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita tidak dapat memberikan angka-angka yang tepat yang diminta kerana perancangan bagi pembinaan sekolah-sekolah adalah bergantung kepada kedudukan kewangan negara.

Peruntukan yang ada terpaksa diagih-agihkan untuk melaksanakan projek-projek yang mendesak sahaja.

Dalam keadaan ekonomi negara yang tidak memuaskan dan tidak menentu kini, Kementerian Pelajaran tidak dapat mengadakan satu perancangan yang muktamad mengenai pembinaan projek-projek persekolahan secara spesifik, walaupun kita sentiasa berusaha ke arah itu.

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$62.8 juta untuk pembangunan sekolah rendah di seluruh negara dalam tahun 1986. Peruntukan ini belum lagi dapat dipecahkan mengikut jenis sekolah, lantaran peruntukan bagi sesebuah sekolah itu bergantung kepada keperluan, keutamaan dan kesesuaian tempat.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sama ada Kementerian Pelajaran sedar bahawa ada tapak yang patut peruntukan untuk mendirikan SRJK Tionghua, tiba-tiba telah ditukarkan untuk mendirikan SRK, sama ada Kementerian Pelajaran sedar perkara itu, kalau sedar, mengapa?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya sendiri belum sedar, tetapi kita akan selidiki apa yang telah berlaku.

**Tuan Zubir bin Embong:** Soalan tambahan. Salah satu daripada Dasar Pelajaran Kebangsaan ialah untuk mewujudkan perpaduan dan juga mengatasi masalah polarisasi kaum, lebih-lebih lagi pada masa sekarang.

Jadi kalaulah membina Sekolah Jenis Kebangsaan Tionghua atau Tamil ini tentulah akan membesarkan lagi masalah polarisasi kaum dan juga merumitkan lagi masalah perpaduan, apakah Kerajaan bercadang. . . . .  
(*Disampuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan, sila teruskan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Apakah pihak Kerajaan masih mahu terus membina sekolah-sekolah jenis ini demi untuk mengatasi masalah polarisasi kaum dan juga masalah perpaduan negara?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada sebahagiannya betul. Sekiranya pihak yang mengagung-agungkan sekolah yang diperkatakan itu tidak pandai menggunakan kemudahan yang diberikan sehingga polarisasi kaum itu menjadi perkara yang begitu teruk dan mungkin akan menjejaskan perpaduan negara. Namun demikian, bagi pihak Kementerian Pelajaran, berasaskan kepada Dasar Pelajaran Kebangsaan, kita belum lagi berniat

untuk bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat, setakat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita berbalik kepada soalan nombor 2. Drs Sulaiman bin Mohamed.

**Drs Sulaiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Nombor 2.

## PASAR TANI ANJURAN FAMA

2. **Drs Suleiman bin Mohamed** minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan sambutan memuaskan oleh orang ramai kepada Pasar Tani yang diuruskan oleh FAMA, adakah FAMA bercadang mengadakannya lebih kerap lagi dalam seminggu di merata tempat di negara ini.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhan sambutan orang ramai terhadap Pasar Tani yang diuruskan oleh FAMA adalah memuaskan.

Ukuran yang digunakan bagi mengukur prestasi Pasar Tani, sama ada memuaskan atau sebaliknya adalah berasaskan kepada sambutan pengguna-pengguna yang boleh diukur secara nilai jualan, bilangan pengunjung, purata jualan, kadar jualan dan jenis barangan. Sementara di peringkat petani-petani bilangan sambutan dari peserta-peserta adalah menjadi ciri-ciri kejayaan Pasar Tani.

FAMA telah menubuhkan sebanyak 34 buah Pasar Tani semenjak Januari, 1985 sehingga akhir Oktober, 1986. Dari jumlah tersebut, 3 buah Pasar Tani iaitu Pasar Tani Taiping, Seberang Jaya di Pulau Pinang dan Johor Baharu adalah lemah.

FAMA bercadang akan memindahkan Pasar Tani Johor Baharu dari lokasinya di Kompleks Bilik Sejuk FAMA ke Jalan Air

Molek berhampiran dengan bandar Johor Baharu sendiri. FAMA juga telah menutup dua buah Pasar Tani iaitu Pasar Tani di Cameron Highlands dan Batu Pahat kerana sambutan dari pengguna tidak menggalakkan.

FAMA beserta agensi-agensi lain dari masa ke semasa mengadakan khidmat nasihat dan bimbingan kepada petani-petani melalui dialog. Dengan kaedah ini FAMA telah cuba mengadakan lebih kerap lagi Pasar Tani dalam seminggu. Sebagai contohnya FAMA telah cuba mengadakan Pasar Tani sebanyak dua kali seminggu di Kelana Jaya selama 3 bulan, tetapi terpaksa diberhentikan kerana kurang mendapat sambutan dari pengguna-pengguna. Nilai jualan yang telah ditunjukkan semasa tempoh tersebut sangat tidak menggalakkan dan akibatnya peserta-peserta tidak mahu mengadakan Pasar Tani lebih dari sekali walaupun Pasar Tani tersebut dikategorikan dalam kumpulan yang memuaskan berasaskan kepada kekerapan sekali seminggu. Walau bagaimanapun terdapat juga beberapa buah Pasar Tani yang beroperasi lebih dari sekali seminggu iaitu di Kulai dan Kuantan. Kekerapan ini berdasarkan kepada sambutan pengguna-pengguna di samping petani dan peserta mahu melibatkan diri lebih kerap.

FAMA tidak mempunyai sebarang halangan untuk mengadakan Pasar Tani lebih kerap dalam seminggu jika mendapat sambutan dan persetujuan dari peserta-peserta dan petani-petani.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh FAMA untuk mewujudkan atau mengadakan tiap-tiap Pasar Tani yang ada hari ini dan sama ada Kementerian ataupun Yang Berhormat Menteri puas hati dengan prestasi FAMA sejak FAMA ini diwujudkan dan kalau puas hati

sama ada Yang Berhormat bercadang untuk meneruskan perkhidmatan Pengerusi Lembaga FAMA yang ada pada hari ini (*Tepuk*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Berkenaan dengan FAMA, soalan itu tidak berkaitan. Soal yang bersangkutan dengan Pasar Tani, yang mula sekali boleh jawab.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Terima kasih, saya tidak ada angka-angka berkenaan dengan jumlah wang yang dikeluarkan dan saya minta notis.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada peserta-peserta yang mengikuti Pasar Tani ini ataupun semua petani-petani dibenarkan untuk memasarkan hasil pertanian di Pasar Tani. Jadi saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan.

Kedua, adakah petani-petani yang mengeluarkan hasil barangan mereka sahaja yang dibenarkan mengikuti rancangan ini ataupun orang tengah yang telah membeli barang tersebut mengambil kesempatan membuat perniagaan di Pasar Tani.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada syarat-syarat terhadap petani-petani yang menyertai Pasar Tani dan sesiapa pun petani yang hendak mengeluarkan hasil-hasil kepada Pasar Tani bolehlah kita sambut. Kepada jawapan untuk soalan kedua, petani-petani terus mengeluarkan hasil-hasil kepada Pasar Tani dan tidak melalui orang tengah.

**Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menyatakan iaitu kalau kita

perhatikan kebanyakan daripada Pasar-pasar Tani yang telah ditubuhkan sekarang ini banyak bertumpu dan berkisar kepada pinggir-pinggir pekan-pekan kecil terutama sekali. Adakah Kementerian ini mempunyai program untuk meluaskan lagi penubuhan Pasar-pasar Tani ini di kawasan-kawasan perkampungan, terutama sekali dalam rancangan-rancangan FELDA.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini FAMA menganjurkan Pasar-pasar Tani di tempat-tempat, di bandar-bandar dan bandar-bandar ini adalah di dalam kawasan-kawasan luar bandar juga. Saya ada satu senarai, dan kalau Ahli Yang Berhormat hendak, saya boleh beri dia dan juga rancangan FAMA, FAMA ada juga cadangan-cadangan untuk menubuhkan Pasar-pasar Tani di lain-lain kawasan luar bandar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa soal jawab mulut sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6 dan 10 adalah diberi di bawah ini).*

#### SUBSIDI KEPADA KOMODITI TEMPATAN

6. **Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sila berikan jumlah subsidi Kerajaan yang telah dibelanjakan untuk mensubsidkan komoditi-komoditi tempatan dan bilakah Kerajaan akan berhenti memberi subsidi demikian dan beri sebab-sebabnya. Nyatakan juga masa hadapan komoditi-komoditi tersebut dalam konteks memandangkan persaingan dari pengeluar-pengeluar negara asing dan nyatakan sama ada Kerajaan akan menggalakkan pengeluar-pengeluar tempatan mempelbagaikan kegiatan mereka, jika begini, apa rancangan untuk

berbuat demikian maka nyatakan apakah jenis kegiatan ekonomi yang akan digalakkan pengeluaran agar dapat menjadikan ekonomi Malaysia lebih kukuh dan "viable".

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad):** Kerajaan memberi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil barangan utama seperti getah, nenas dan lada hitam. Bagi getah pekebun-pekebun kecil diberi bantuan dalam bentuk subsidi input, pemulihan tanaman semula, pasaran asas dan Pusat Pembangunan Pekebun Kecil di bawah program RISDA. Jumlah perbelanjaan bagi rancangan bantuan ini sejak tahun 1982 hingga tahun 1985 adalah lebih kurang \$84.5 juta. Bagi kelapa sawit untuk menampung harga yang merosot baru-baru ini Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah melaksanakan Skim Jaminan Pendapatan Minima untuk tujuan menjamin pendapatan bulanan minima bagi setiap peneroka sebanyak \$350 sebulan. Bayaran semula secara ansuran akan dikutip oleh FELDA apabila harga barangan utama kembali pulih. Setakat bulan September, 1986 lebih kurang \$53.5 juta telah dibelanjakan. Bagi nenas pula, lebih kurang \$20.1 juta telah dibelanjakan untuk bantuan di bawah Rancangan Tanam Semula Nenas dan Baja sejak 1972 manakala \$16.2 juta telah dibelanjakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat bagi skim subsidi ke atas lada.

Sesungguhnya Kerajaan tidak ingin menggalakkan pekebun-pekebun kecil kita bergantung sangat kepada subsidi sebagai punca pendapatan mereka. Walau bagaimanapun, pada masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk memberhentikan rancangan bantuan subsidi kepada pekebun-pekebun kecil yang menanam tanaman tersebut di

atas berdasarkan kepada alasan-alasan seperti berikut:

- (i) Harga kelapa sawit dan getah yang merosot telah menjejaskan pendapatan sebilangan besar pekebun-pekebun kecil;
- (ii) Subsidi adalah perlu supaya pekebun-pekebun kecil mempunyai satu punca pendapatan dalam masa rancangan pemulihan dan penanaman semula;
- (iii) Pekebun-pekebun kecil tidak dapat membiayai kos membina pasaran asas yang penting;
- (iv) Menentukan supaya mutu hasil yang dikeluarkan oleh pekebun dapat ditingkatkan supaya mereka mendapat harga yang berpatutan; dan
- (v) Subsidi juga menolong membantu dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru bagi menghapuskan kemiskinan di kalangan pekebun-pekebun kecil.

Sektor barangan utama Malaysia akan terus memainkan peranan yang penting dalam konteks sumbangannya kepada Keluaran Negara Kasar (KNK), pendapatan eksport, punca pendapatan dan peluang pekerjaan di negara ini. Masa hadapan bagi sektor ini, pada hemat saya, masih lagi baik sungguhpun terdapat persaingan dari pengeluar-pengeluar asing yang telah menambahkan bekalan bagi beberapa jenis barangan utama di samping permintaan yang agak lembab yang telah menjejaskan harga. Apa yang perlu ialah kita mesti mengeluarkan sesuatu barangan dengan efisiensi yang baik dan kos yang rendah untuk membolehkan kita bersaing dengan berkesan di pasaran dunia walaupun dalam keadaan kemerosotan harga. Misalnya teknologi sedia ada di mana

kita boleh mengeluarkan sekurang-kurangnya sebanyak 1,700 kg. getah asli sehektar dan 6 tonne minyak kelapa sawit sehektar.

Walaupun prospek barangan utama dalam jangka masa panjang adalah baik, persaingan yang ujud dan permintaan yang agak lembab pada masa kini telah menjejaskan harga. Oleh yang demikian Kerajaan telah dan akan mengambil beberapa langkah untuk memperkukuhkan sektor ini. Di antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Mempergiatkan lagi usaha-usaha pemasaran barangan utama di pasaran-pasaran antarabangsa dengan memperkukuhkan pasaran yang sedia ada dan menembusi pasaran-pasaran baru khasnya negara-negara membangun dengan menghantar misi-misi perdagangan dan teknikal ke negara-negara pengguna-pengguna tersebut dan terus berusaha untuk mengurangkan ataupun kalau boleh menghapuskan sekatan tarif dan bukan tarif;
- (ii) Mengurangkan kos pengeluaran barangan utama menerusi peningkatan produktiviti dan keberkesanan sistem pengeluaran dan pemprosesan supaya ianya dapat bersaing secara kompetitif dengan pengeluaran-pengeluar negara lain;
- (iii) Memberi kemudahan pembiayaan semula Kredit eksport (export credit refinancing) kepada 180 hari dengan kadar faedah yang rendah sebanyak 6%;
- (iv) Meningkatkan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan melalui agensi-agensi penyelidikan Kerajaan

bagi mencari penggunaan-penggunaan baru bagi barangan utama Malaysia untuk meningkatkan nilai-tokok dan mutu; dan

- (v) Menggalakkan pengeluaran-pengeluar khasnya pekebun-pekebun kecil mempelbagaikan kegiatan mereka melalui penanaman tanaman Kontan semasa menunggu tanaman-tanaman mereka dapat memberi hasil, pemeliharaan ternakan biri-biri, ayam, membela lebah serta tanaman cendawan, rotan dan sebagainya akan menjadi punca pendapatan samping kepada mereka.

Kerajaan berharap dengan usaha-usaha yang telah saya sebutkan tadi pengeluaran-pengeluar barangan utama dapat menampung kesukaran yang dihadapi pada masa ini oleh kerana kejatuhan harga barangan utama. Adalah menjadi harapan kita supaya sektor barangan utama ini dapat terus maju dan kukuh pada masa akan datang.

### **ELEKTRIK DI LUAR BANDAR—BEKALAN**

**10. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau boleh memberitahu apakah rancangan Kementerian untuk memberikan kemudahan bekalan-bekalan elektrik di luar-luar bandar. Dan sekiranya ada rancangan Kementerian bilakah bekalan elektrik dapat diadakan untuk kawasan Pulau Bum-Bum yang terdapat banyak kampung di sekitarnya dan di kawasan Balung.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Ng Cheng Kuai):** Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengadakan berbagai kemudahan asas seperti bekalan

elektrik ke seluruh kawasan luar bandar. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat sahaja Kerajaan telah membelanjakan sebanyak \$608.3 juta untuk program bekalan elektrik luar bandar. Program ini telah memberi faedah kepada lebih kurang 500,000 isi rumah di bawah Rancangan Malaysia Keempat (RME). Bagi tahun 1986 sebanyak \$182 juta telah diperuntukkan bagi program ini.

Bagi kawasan Pulau Bum-Bum, kerja-kerja untuk mengadakan kemudahan bekalan elektrik dijangka akan dimulakan pada tahun 1986 ini dan bagi kampung-kampung yang masih belum mendapat bekalan elektrik di kawasan Balung pula, ianya telah dirancang di bawah Rancangan Malaysia Kelima, namun demikian pelaksanaannya akan dibuat berperingkat-peringkat bergantung kepada keadaan kewangan negara.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dan Anggaran Pembangunan 1987 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Kespuluh*)

*Majlis bersidang dalam  
Jawatankuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Jawatankuasa*)

*Maksud B.28, B.29, B.30, B.31 dan  
B.32 (Jadual)*

*Maksud P.28, P.31 dan P.58  
(Anggaran Pembangunan 1987)—*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sudah habis?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, boleh saya sambung sedikit lagi. Dengan izin.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, saya ingin memberi sedikit lagi penjelasan mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan mengenai Kementerian Kewangan semalam.

Pertamanya, Tuan Pengerusi, mengenai operasi MAKUSAWA, perkara ini telah pun diterangkan dengan panjang lebar oleh Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kementerian Kewangan juga telah menjawab beberapa soalan mengenai perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini, jadi Kerajaan tidak lagi ada apa-apa yang hendak disembunyikan. Malangnya, perkara ini selalu sangat dibangkitkan oleh pihak Ketua Pembangkang. Ini menunjukkan sama ada beliau tidak mendengar penjelasan-penjelasan yang diberi ataupun sengaja hendak mencari publisiti murah, dengan izin, cheap publicity.

Dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini semalam, Ahli Yang Berhormat dari Tanjung juga telah mendesak saya supaya memberi tahu mengenai keputusan Kabinet berhubung dengan MAMINCO dan operasi jual beli bijih timah di pasaran

logam London. Sebenarnya, Tuan Pengerusi, saya memang ingin menjawab perkara ini semalam, malah saya telah bangun beberapa kali untuk memberi jawapan, tetapi oleh kerana tutur kata yang kesat dan kasar yang digunakan oleh Ketua Pembangkang yang saya fikir kurang parliamentary. . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Ahli dari Kepong bangun.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Saya telah mengambil keputusan untuk tidak menjawabnya. Walau bagaimanapun, oleh kerana keadaan hari ini nampaknya tenang dan ahli-ahli Pembangkang, dengan izin, well-behaved, sekarang saya akan menjawab perkara yang dibangkitkan itu.

Tuan Pengerusi, Kerajaan tidak berhajat untuk menyembunyikan apa-apa perkara daripada pengetahuan rakyat dengan tujuan supaya rakyat sekalian mengetahui perkara yang sebenarnya. Tuan Pengerusi, sebenarnya, saya telah mengatakan semalam bahawa di dalam mesyuarat Kabinet yang diadakan pada 26hb Oktober, 1980, semalam saya tidak menyebut tarikhnya, saya cuma menyatakan Oktober, 1980 sahaja, hari ini saya memberikan tarikh yang lebih jelas, 26hb Oktober, 1980 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada masa itu telah membincangkan keperluan negara memainkan peranan utama bagi mewujudkan stockpile getah dan bijih timah. Kabinet juga telah mengarah Kementerian Kewangan dan Kementerian Perusahaan Utama membuat kajian lanjut mengenainya dan pada 8hb Julai 1981, di dalam satu mesyuarat Kabinet yang juga dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada waktu itu telah menimbangkan satu skim sokongan harga bijih timah

dan bersetuju untuk menubuhkan "MAMINCO Sdn. Bhd. seperti mengadakan perjanjian usaha sama dengan March Rich.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, adalah jelas bahawa tuduhan MAMINCO ditubuhkan tanpa persetujuan Kabinet adalah tidak benar dan tidak berasas sama sekali. Kerajaan telah memberi penjelasan mengenai perkara ini. . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kepong bangun. Yang Berhormat tak beri jalan?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, saya rasa saya teruskanlah, hendak habislah ini.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dan diharapkan tuduhan-tuduhan melulu tidak akan dilemparkan lagi terhadap Kerajaan.

Tuan Pengerusi, akhirnya seperti saya janjikan tadi, saya hanya minta beberapa minit sahaja.

Satu sahaja lagi perkara yang saya hendak maklumkan, iaitu Menteri Kewangan sendiri akan mengeluarkan satu kenyataan penuh mengenai penjualan saham-saham kepunyaan keluarga Menteri Kewangan di dalam sedikit masa lagi. Saya tidak berhajat untuk membuat apa-apa kenyataan mengenai perkara itu sekarang.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya berterima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan mereka sewaktu membincangkan peruntukan bagi Kementerian Kewangan. Insya Allah, dengan pandangan-pandangan yang

bernas itu Kementerian Kewangan sentiasa akan berhati-hati membuat perbelanjaan-perbelanjaan mengikut laras-laras yang dibenarkan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$86,009,400 untuk Maksud B.28; \$130,232,700 untuk Maksud B.29; \$164,604,200 untuk Maksud B.30; \$133,711,800 untuk Maksud b.31 dan \$83,848,800 untuk Maksud B.32 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$86,009,400 untuk Maksud B.28; \$130,232,700 untuk Maksud B.29; \$164,604,200 untuk Maksud B.30; \$133,711,800 untuk Maksud B.31 dan \$83,848,800 untuk Maksud B.32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$134,420,120 yang disebutkan dalam Maksud P.28; \$10,780,000 untuk Maksud P.31 dan \$600,000,000 untuk Maksud P.58 dalam Anggaran Pembangunan, 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$134,420,120 untuk Maksud P.28; \$10,780,000 untuk Maksud P.31 dan \$600,000,000 untuk Maksud P.58 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1987.

*Maksud B.33 (Jadual)—*

*Maksud P.33 (Anggaran Pembangunan 1987)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.33 dan P.33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam terbuka untuk dibahas.

3.44 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada B.33, muka 158, Butiran 040000 dan Butiran 00500, muka 159 Lembaga Padi dan Beras Negara.

Tuan Pengerusi, pada tanggal 29-10-86 Lembaga Padi dan Beras Negara telah bertindak merampas beras-beras peruncit di Pasar Besar Pasir Mas, Negeri Kelantan. Sebelum LPN bertindak merampas beras di Pasir Mas, LPN juga bertindak merampas beras di Pasar Besar Kota Baru dan tindakan Lembaga Padi dan Beras Negara telah menimbulkan beberapa kekecohan di kalangan peniaga-peniaga.

Sebagai Ahli Parlimen, sudah barang tentu saya menyokong dengan tegas di atas prinsip bahawa kita perlu mempunyai tekad politik dan kewibawaan kepimpinan bagi memberi haluan pimpinan kepada rakyat yang lebih berkesan, terutamanya dalam menjalankan undang-undang negara. Tetapi sebelum itu, sudah barang tentu kita juga harus bersetuju sebarang tindakan yang hendak dibuat itu mestilah mempunyai rasional dan sebab-sebab dan persediaan-persediaan yang cukup supaya tindakan-tindakan yang kita buat itu tidak menimbulkan kegelisahan di kalangan rakyat.

Saya difahamkan oleh peruncit-peruncit beras di Pasar Borong Pasir Mas bahawa mereka tidak menentang sekali-kali di atas tindakan LPN merampas beras-beras mereka. Mereka menjual beras adalah yang dikatakan beras-beras daripada Negeri Siam. Soalnya, Tuan Pengerusi, kenapakah peruncit-peruncit ini mendapat bekalan beras daripada Siam?

Tuan Pengerusi, saya ingin minta izin daripada Tuan Pengerusi, di Dewan yang mulia ini sebagai wakil yang mewakili rakyat hendak menunjukkan contoh di dalam Dewan yang mulia ini, beras yang dibekalkan oleh LPN kepada peruncit-peruncit. Ini dia beras yang dibekalkan oleh peruncit-peruncit, Tuan Pengerusi (contoh-contoh beras ditunjukkan). Salah satu contoh yang dijual sebanyak \$30 satu guni dan satu lagi contoh yang saya kemukakan ini. Kalau saya menyebutkan, Tuan Pengerusi, mungkin terlajak. Saya minta pihak Pembangkang jangan cuba mengambil kesempatan. Kita hanya semata-mata membela rakyat dan tidak hendak menanggung di air yang keruh, tetapi semata-mata membela rakyat di luar bandar yang memerlukan kepada pembelaan.

Beras ini, Tuan Pengerusi, dengan harga \$1 satu kilo dibeli \$30 satu guni. Sesudah mereka beli, letak di pasar-pasar, bagaimanakah beras ini hendak dijual, hendak dibeli oleh orang ramai sedangkan beras ini, dengan izin, Tuan Pengerusi, saya berani mengatakan ayam pun tak lalu hendak makan.

Tuan Pengerusi, saya hendak sebut sebagai contoh, saya bawa beras ini merata, sudah dua minggu dalam beg, ke sana, ke mari. Beras ini daripada Siam. Kita tunjuk contoh perbezaan beras antara beras Siam dan beras yang dibekalkan oleh LPN. Saya bangkitkan ini dengan sikap dan pendirian yang ikhlas supaya masalah penduduk dan keresahan di kalangan peniaga-peniaga tidak timbul kerana tindakan yang berlaku ini telah memberi tiga implikasi kepada kita. Yang pertama, anggapan rakyat bahawa Kerajaan ini seolah-olahnya zalim, merampas beras-beras peruncit. Sehubungan dengan itu pula, mereka menuduh pula kononnya ada berlaku rasuahlah dan sebagainya yang saya sendiri kurang percaya dan

mempersoalkan pula Dasar Pertanian kita. Inilah implikasi yang timbul, Tuan Pengerusi. Soalnya sekarang ini kenapa perkara ini berlaku?

Bagi saya, Tuan Pengerusi, peruncit-peruncit dalam kedai, dalam pasar-pasar besar ini tidak bersalah sebab mereka membeli beras Siam ini adalah juga daripada pasar-pasar dan taukeh-taukeh besar. Pokoknya ialah yang kita kena halang secara total ialah menghalang kemasukan beras daripada Negeri Siam, bukannya bertindak kepada peruncit-peruncit kecil yang menjual dalam pasar. Kita hendak tanya dahulu, kenapa pula beras-beras ini boleh masuk dalam pasar? Ini persoalannya.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya membangkitkan perkara ini bukanlah bererti selama ini LPN tidak menjalankan kerja dan tanggungjawab. Kita sedar masalah ini begitu rumit. Apabila saya membangkitkan perkara ini sudah barang tentu mungkin ada juga pengundi-pengundi saya di Pasir Mas yang segelintir atau golongan-golongan tertentu yang kurang senang, tetapi di atas prinsip kewibawaan kepimpinan kita, perkara ini harus diselesaikan, kalau boleh, dengan izin, "once and for all". Sebab, dalam hubungan ini kalau ianya terus dibiarkan, hari ini kita bertindak, beberapa hari kemudian kita berhenti dan ada rungutan kita bertindak pula, tetapi ianya terus berlaku sepanjang masa. Dan yang menjadi kekecohan ialah masalah ketegangan di peringkat rakyat di bawah dan bila ini berlaku pula, ada pula pihak Parti Pembangkang yang cuba menanggung di air keruh di Negeri Kelantan, cuba membesar-besarkan isu ini, mengapi-apikan rakyat supaya rakyat bangkit bertindak terhadap Kerajaan.

Jadi, Tuan Pengerusi, sukalah saya mengambil kesempatan di sini untuk menghuraikan sedikit kenapakah

perkara-perkara ini boleh terjadi dan apakah cara-cara dan bagaimanakah boleh kita bertindak. Pertama, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya dasar membeli beras di antara Kerajaan ke Kerajaan (G to G) yang diamalkan sekarang dengan Negara Siam (Thailand), kalau boleh, dikaji semula supaya beras-beras yang dibeli ini dengan harga yang berpatutan.

Apabila harganya berpatutan maka ianya masuk ke negara kita, kita harap Lembaga Padi dan Beras Negara dapat pula mengedarkan beras-beras ini dengan harga yang berpatutan. Kalau kita membeli dengan kadar harga \$60 satu guni, kita mahu jual dengan harga \$90 dan mendapat untung \$30 di mana untung itu hendak dijadikan wang bagi subsidi maka sistem subsidi itu pula harus dikaji kembali. Kerana saya menyebut perkara ini, Tuan Pengerusi, kalau tidak saya katakan tadi, dari segi hendak menghalang kemasukan beras daripada Siam bukanlah kerja yang mudah. Bukan sahaja di Kelantan mungkin juga di utara dan sebagainya dan ianya melibatkan rakyat di bawah yang memerlukan pembelaan. Saya bercakap di sini di atas prinsip-prinsip di mana kita harap supaya Lembaga Padi dan Beras Negara dapat mengatasi masalah ini dengan setegas-tergasnya.

Tuan Pengerusi, kerana beras tempatan murah, padi dibeli pun dengan murah. Sebahagian baja subsidi diambil tetapi tidak digunakan. Daripada jumlah baja subsidi yang diberikan, 40% sahaja digunakan, 20% terlonggok di bawah rumah dan 20% bagi dijual di Thailand. Ada berlaku perkara ini termasuk juga penyokong-penyokong parti PAS.

Dari segi bekalan air pula, daripada jumlah yang dibekalkan 40% sahaja yang digunakan, 40% terbiar di sawah dan 20% hilang begitu sahaja. Oleh itu saya ingin mencadangkan pemberian

kupon subsidi, bantuan baja dan lain-lain projek hendaklah dikaji semula. Pemberian baja janganlah dibuat berdasarkan keluasan sawah yang dimiliki tetapi pastikan jumlah sawah yang dikerjakan.

Kupon begitu juga, kerana yang dapat terlepas kepada orang yang tidak berkenaan. Rancangan pemulihan tanah yang harus dikaji kerana didapati banyak sawah hanya dikerjakan sekali sahaja dalam setahun. Tetapi di sebaliknya yang dirancang dua kali setahun tidak dapat dijalankan. Adalah munasabah dan menguntungkan Kerajaan jika baja subsidi tidak diberikan secara percuma lagi tetapi diberi separuh subsidi supaya mereka yang memerlukan subsidi sahaja mendapat baja. Saya rasa dasar ini harus kita dapat laksanakan dengan tegas tambahan pula memandangkan kemelesetan ekonomi negara sekarang. Saya percaya seluruh rakyat dapat memberi kerjasama kalau kita mempunyai tekad politik untuk memberi penerangan dengan lebih jelas dan lebih tegas kepada rakyat. Sebab ini juga memberi kebaikan kepada rakyat pada masa yang akan datang.

Adalah lebih baik ditambah pemberian kupon harga padi, kerana ini akan memberi insentif kepada petani-petani. Makin banyak padi dihasilkan maka makin banyaklah bantuan kupon didapati dan dengan ini akan meringankan beban membeli baja. Maknanya saya mencadangkan kupon insentif untuk penanaman padi dlebihkan daripada subsidi baja. Jika program ini diamalkan adalah dipercayai Kerajaan akan dapat menyelamatkan lebih 60% daripada perbelanjaan subsidi baja yang dibelanjakan setiap tahun.

Tuan Pengerusi, bagi menjimatkan perbelanjaan di bidang ini adalah diharapkan Kerajaan mengkaji semula

peranan agensi-agensi yang berkenaan. Kerana kita percaya yang terlibat bukan sahaja LPN tetapi juga agensi-agensi lain yang mungkin ada kaitan secara tidak langsung.

Jadi itulah sahaja, Tuan Pengerusi, yang saya hendak sampaikan pada hari ini. Walaupun sebenarnya kalau ikut rasa hati memang hendak bercakap panjang bersabit dengan beras ini, tetapi saya percaya maksud saya, "message" saya yang ikhlas dan murni ini untuk melihat peruncit-peruncit beras di negeri Kelantan atau di mana-mana sahaja, apabila LPN hendak bertindak supaya berhati-hati. Buatlah persiapan dahulu. Ertinya pastikan beras-beras kita itu baik mutunya, peruncit-peruncit mendapat bekalan yang cukup dan mereka juga boleh mendapat bekalan dengan cara kredit sepertimana yang diberikan oleh pihak-pihak swasta.

Maka kalau ini dapat kita adakan sudah barang tentu apa sahaja LPN hendak bertindak bagi mencegah penyeludupan, hendak bertindak kepada mereka yang melanggar undang-undang, saya sebagai Ahli Parlimen mewakili Pasir Mas akan menyokong dan berdiri teguh di belakang Kerajaan, Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Jerai.

3.55 ptg.

**Tuan Ghazali bin Ahmad (Jerai):** Tuan Pengerusi, saya ingin juga mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Kementerian Perusahaan Awam. Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perusahaan Awam di mana di dalam peruntukan tahun ini terutamanya dalam Butiran 070000, Pemberian Subsidi Harga Padi.

Memandangkan kepada peruntukan tahun 1986 kita hanya memperuntukkan \$185 juta. Tetapi

alhamdulillah, pada tahun 1987, \$205 juta telah pun diperuntukkan dalam erti kata \$20 juta lebih telah diperuntukkan kepada subsidi harga padi. Ini sudah tentu menggembirakan kepada penanam-penanam padi di Kedah khasnya dan di seluruh negara amnya. Walaupun keadaan negara menghadapi kelembapan ekonomi, namun demikian kita percaya rakyat tentu berasa bangga kerana Kerajaan telah memberi satu peruntukan yang begitu menggembirakan sekali kepada penanam-penanam padi yang mendapat satu rahmat kerana walaupun Kerajaan tidak menaikkan harga padi tetapi subsidi harga padi ini diberikan tiap-tiap kali menjual padi.

Dalam hal ini jugalah saya ingin menarik perhatian Kementerian Perusahaan Awam kalau Lembaga Tembakau Negara dapat mengadakan ibu pejabatnya di Kelantan; apatah tidaknya kalau negeri Kedah sebagai "jelapang padi negara" dapatlah pula Kementerian Perusahaan Awam mengadakan ibu pejabat LPN ini di Kedah supaya pegawai-pegawai atasan LPN ini dapat mengerti lebih dekat masalah-masalah petani-petani dan mengetahui macam mana penderitaan petani-petani kita supaya mereka lebih dekat dengan petani-petani ini yang banyak memberi manfaat kepada petani-petani kita.

Kadangkala kalau kita memberitahu kepada Menteri-menteri kita di sini tentang perasaan luah, rintihan hati penanam padi kita, mungkin ada Menteri-menteri kita kurang yakin, Menteri-menteri kita lebih mempercayai keterangan-keterangan dan laporan-laporan yang diberikan oleh pegawai-pegawainya di Kementerian atau di Jabatannya sendiri.

Walaupun hal ini sudah banyak ditegur oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Kedah sendiri tentang bagaimana tindak-tanduk LPN

di Kedah, oleh yang demikian saya rasa dan satu saranan yang saya perlu kemukakan kepada Kementerian ini yang haruslah memberi perhatian kepada penanam-penanam padi di Kedah dan di Perlis ini dan bawalah Jabatan ini mengadakan ibu pejabatnya sendiri di negeri Kedah. Pilihlah di mana kawasan di Kedah untuk dijadikan ibu pejabatnya sepertimana Lembaga Tembakau Negara mengadakan pejabatnya di Kelantan.

Tuan Pengerusi, mengalih pula kepada Butiran yang tersebut juga tentang pemberian kupon kepada penanam-penanam padi dalam menjual padinya di Kompleks-kompleks LPN atau di kilang-kilang swasta di mana subsidi ini boleh didapati. Saya ingin menarik perhatian Kementerian ini supaya awasi benar-benar tentang pemberian subsidi ini. Mungkin boleh berlaku satu penyelewengan dengan pihak swasta yang membeli padi daripada penanam-penanam padi yang mendapat dua kali subsidi di Kompleks-kompleks LPN.

Oleh yang demikian harus diberi perhatian yang begitu serius tentang pemberian kupon ini dan saya rasa, kalau boleh, kajian semula ini harus diberi perhatian yang bersungguh-sungguh supaya penanam-penanam padi dapat benar-benar menerima subsidi dengan betul daripada Lembaga Padi dan Beras Negara.

Mereka amat kecewa kalau mereka tidak dapat subsidi ini kerana harga padi sudah tidak naik sedangkan keadaan kos mengerjakan sawah, kos buruh dan sebagainya meningkat. Oleh yang demikian, subsidi ini biarlah satu subsidi yang terjamin benar didapati oleh penanam-penanam padi daripada Kompleks-kompleks LPN yang ada di seluruh negara kita. Dalam hal ini juga, masalah-masalah yang saya rasa saya tidak perlu menimbulkan kerana telah

pun dijawab oleh Menteri Perusahaan Awam berkaitan dengan ucapan saya yang lalu. Kali ini saya cuma hendak mengalihkan perhatian kepada masalah-masalah ini kerana masih lagi kupon-kupon ini menjadi pertanyaan kepada penanam-penanam padi kita. Sistem ini harus diberi kajian yang betul-betul.

Dan saya ingin menyentuh satu perkara lagi dalam Butiran 040000, iaitu memandangkan peranan yang dibuat oleh Kompleks-kompleks LPN di mana kalau dahulunya ada ramai pemborong-pemborong beras bumiputera, tetapi tiap-tiap tahun pemborong-pemborong ini terpaksa menghentikan perniagaan mereka terutama dalam kesukaran mendapat bekalan beras daripada Kompleks-kompleks LPN.

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)*

Ada juga di kalangan pemborong-pemborong beras ini bukan sahaja sukar mendapat bekalan-bekalan daripada LPN malahan mereka mendapat bekalan daripada LPN sendiri dengan mutu yang tidak begitu baik dan mutu yang paling rendah sekali dengan menyebabkan banyak pemborong-pemborong bumiputera telah rugi dalam perniagaan beras mereka. Kalau ini juga hendak dihantar balik kepada LPN dan pihak-pihak Pengurus-pengurus LPN tidak mahu menerima kembali setelah beras yang telah keluar dari stok mereka. Ini keadaan yang perlu diberi perhatian oleh LPN kalau hendak mewujudkan lebih ramai bumiputera dalam bidang perniagaan ini. Apatah lagi hasil usahanya lebih banyak di kalangan pribumi dan biarlah pemborong-pemborong beras juga seharusnya mengendalikannya juga supaya sejajar dengan usaha yang dibuat dari penanam padi dan dari orang yang menjalankan perniagaan di

peringkat pertengahan, apatah lagi makanan beras satu makanan utama bagi penduduk negara kita.

LPN harus juga mengkaji semula tentang pemberian lesen-lesen pemborong ini supaya lesen-lesen ini tidak disalahgunakan dan supaya lesen-lesen ini benar-benar dapat dinikmati oleh golongan-golongan yang benar-benar menjalankan perniagaannya. Oleh yang demikian, ada juga beberapa perkara di kalangan pemborong-pemborong beras ini, mereka sahaja bukan menghadapi masalah mendapat bekalan, malahan juga masalah pasaran kerana ada kalanya juga LPN sendiri yang memasarkan berasnya yang tidak melalui dengan pemborong-pemborong beras ini sendiri. Ini menyebabkan peluang-peluang kepada pemborong-pemborong ini sudah hapus apabila ada orang dapat berhubungan terus dengan LPN bagi mendapat bekalan beras. Kalau hal ini dapat diperbaiki, kita rasa, pemborong-pemborong beras bumiputera khususnya yang telah ada lesen-lesen pemborongnya di seluruh negara akan dapat hidup menjalankan perniagaan beras mereka dengan lebih baik. Kita amat bangga pada tahun-tahun 70an yang lalu pemborong-pemborong beras telah dapat menjalankan perniagaan yang baik di seluruh negara kita, tetapi sejak akhir-akhir ini dengan adanya beberapa peraturan yang dibuat dari semasa ke semasa oleh LPN maka menyebabkan lebih banyak pemborong-pemborong beras ini terpaksa menyerah kembali lesen-lesen pemborong beras mereka dan banyak tindakan yang telah diambil kepada pemborong beras bumiputera dan berbagai-bagai hal untuk mengembalikan balik lesen yang dimiliki oleh mereka.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh seperkara lagi berhubung dengan LPN ini iaitu tentang mengadakan tempat-tempat

mengering padi. Walaupun saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun memberi penjelasan berhubung dengan tempat mengering padi pada bulan yang lalu, saya cuma ingin menambahkan bahawa tempat-tempat pengeringan padi ini perlulah diperbesarkan lagi dan lebih dekat dengan kompleks LPN yang sedia ada supaya memberi kemudahan kepada penanam-penanam padi.

**Timbalan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Ghazali bin Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh dalam Butiran 020100 dalam Kementerian Perusahaan Awam berhubung dengan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan. Memandangkan masih ada lagi keperluan teksi di kawasan luar bandar dan juga di kawasan bandar di mana kita dapati ada orang-orang yang memiliki teksi yang banyak yang patut diambil kembali permit-permit mereka dan harus diberi kepada mereka yang mahu menjalankan teksi-teksi ini.

Kita amat kesal kerana masih banyak lagi keperluan teksi ini di kawasan-kawasan di mana kawasan-kawaaan perumahan yang baru, kawasan-kawasan FELDA, kawasan-kawasan perkampungan-perkampungan yang baru wujud, maka haruslah diadakan pemberian permit-permit teksi ini lebih banyak kepada mereka. Dan permit-permit ini juga haruslah dikaji semula kepada Lembaga-lembaga Pelesenan yang diwujudkan di daerah-daerah yang kadangkala jawatankuasa ini tidak pernah mengadakan mesyuarat mereka dalam menimbangankan peruntukan-peruntukan kawasan bagi tempat untuk teksi tersebut diadakan.

Tuan Pengerusi, ingin saya menyentuh satu perkara sahaja lagi iaitu. . . .

**Timbalan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak ada masa Yang Berhormat. Sudahilah.

**Tuan Ghazali bin Ahmad:** Kalau begitu setakat inilah sahaja ucapan saya dalam mengambil bahagian perbahasan dalam perkara Kementerian tersebut. Saya harap akan mendapat perhatian dan pertimbangan sewajarnya. Sekian.

**Timbalan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Rajang.

4.05 ptg.

**Dr Nicholas Munong Ibau (Rajang):** Tuan Pengerusi, di sini saya ingin merujuk kepada mukasurat 157, Maksud Bekalan 33, Kementerian Perusahaan Awam, Butiran 020000, Program Pelesenan, Aktiviti 020300—Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan Sarawak.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin memberi gambaran kepada Tuan Pengerusi apakah yang benar-benar berlaku mengenai sistem pengangkutan jalan raya terutama di luar bandar Sarawak dan apakah nasib yang menimpa penduduk di situ. Tuan Pengerusi, kedatangan sistem jalan raya di daerah luar bandar Sarawak adalah satu nikmat yang sentiasa ditunggu-tunggu oleh rakyat. Dengan harapan yang demikian, rakyat berharap akan menikmati sistem yang sempurna dan selesa. Tetapi harapan itu hanya memenuhi setengah dari harapan dan cita-cita oleh kerana sistem pengangkutan awam utama hanyalah menghubungi simpang jalan masuk ke kawasan perkampungan dan rumah panjang sahaja. Manakala selepas itu penduduk terus berjalan kaki memikul barang jualan atau barang belian dari rumah ke simpang ataupun dari simpang ke rumah di mana jauhnya mungkin dari 1

kilometer hingga 10 kilometer. Di samping itu, sistem pengangkutan awam yang ada sekarang memberi perkhidmatan hanya dari pukul 7 pagi hingga pukul 4 petang.

Tuan Pengerusi, kesusahan yang terus menimpa penduduk luar bandar itu amatlah menyedihkan. Kadangkala bila terjadinya sesuatu kecemasan seperti orang sakit tenat ataupun si ibu yang hendak bersalin, masa itu selalunya terpaksa menghadapi risiko yang paling tinggi dan kadangkala menghadapi maut sebelum datang ke hospital untuk menerima rawatan. Oleh kerana masalah seperti itu sering berlaku di kampung dan di rumah panjang maka timbullah hasrat hendak mengatasinya dengan adanya dikalangan rakyat yang mempunyai rezeki lebih membeli kereta atau van untuk memberi perkhidmatan yang agak selesa untuk menjamin keperluan rakyat setempat.

Bagi rakyat tempatan, perkhidmatan yang serupa itu memanglah satu daya penghubung yang paling penting dan popular oleh kerana buatannya besar memenuhi keperluan membawa barangan jualan atau barang belian dari bandar. Tetapi malangnya walaupun pengusaha van persendirian itu yang menjadi nadi utama kepada penggerak sosio ekonomi kampung itu, mereka selalu mempunyai berbagai cabaran dari pihak berkuasa seperti Polis. Kadangkala mereka terpaksa menerima padah dihukum di mahkamah dan kadangkala van itu terus ditahan dan tidak dibenar untuk memberi perkhidmatan selanjutnya. Penangkapan dari Polis itu selalunya berlaku berdasarkan dari laporan dan sungutan pengusaha bas yang besar kononnya merampas perniagaan mereka. Syarikat-syarikat pengusaha perkhidmatan itu sememangnya berpengaruh maka sudah tentu pengusaha kecil-kecilan tidak dapat menandinginya ataupun pihak

bumiputera tempatan tidak terdaya untuk mempunyai syarikat yang sebesar itu. Maka terjadilah sistem monopoli di dalam pengusahaan pengangkutan di Sarawak terutama perkhidmatan bas.

Berlaluanya keadaan ini maka angkuhlah si pengusaha syarikat-syarikat bas yang besar itu dengan sikap pilih kasih dengan membuat pilihan di mana perlu atau tidak perkhidmatan itu diadakan dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Pengerusi, bertolak dari kejadian serupa itu, maka terjadilah penekanan ke atas pengusaha-pengusaha van yang tidak mengenali dosa itu, kalau dibanding dengan khidmat yang mereka telah beri lebih besar dari syarikat bas yang hanya memberi perkhidmatan di laluan rasmi yang telah diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan Sarawak. Peristiwa seperti yang saya gambarkan tadi terjadi terbiar di seluruh kawasan luar bandar Sarawak di mana tidak adanya perkhidmatan pengangkutan awam diadakan. Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada Kementerian Perusahaan Awam juga Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan Sarawak supaya mengkaji semula kaedah sistem pengangkutan jalan di Sarawak.

Seterusnya saya mencadangkan supaya kaedah Sistem Bas Mini seperti di Semenanjung dipanjangkan ke kawasan-kawasan yang tidak diliputi oleh laluan rasmi di jalan utama di Sarawak, yang mempunyai sistem pengangkutan yang teratur.

Saya juga mencadangkan supaya Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan Sarawak memberi perhatian khusus kepada pengusaha tempatan, dari satu kawasan yang terlibat dan jumlah lesen haruslah mengikut nisbah para penduduk yang akan diliputi oleh perkhidmatan mini bas itu nanti, mengikut keadaan dari semasa ke semasa.

Tuan Pengerusi, kedatangan Sistem Mini Bas di Sarawak bukan sebagai saingan kepada perkhidmatan bas yang ada sekarang, tetapi sebagai perkhidmatan tambahan dengan izin, complementary service kepada kawasan-kawasan yang tidak diberi perkhidmatan secara langsung.

Di masa kini bas dari syarikat yang besar tidak masuk ke simpang-simpang jalan oleh kerana jalan raya di situ tidak begitu sesuai kepada bas yang besar. Dan juga perkhidmatan itu tidak memberi keuntungan yang lumayan kepada mereka.

Keduanya, perkhidmatan yang ada sekarang tidak dapat memberi khidmatan segera bilamana diperlukan oleh penduduk-penduduk tempatan, terutamanya di masa terjadinya kecemasan, lebih-lebih lagi di waktu selepas pukul 4.00 petang.

Tuan Pengerusi, dengan itu, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

4.14 ptg.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib (Sabak Bernam):** Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan bagi membahaskan Maksud Bekalan 33—Kementerian Perusahaan Awam.

Saya ingin menyentuh Butiran 02000—Pelesenan dan Program 021000—Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan Semenanjung, muka surat 157.

Tuan Pengerusi, Lembaga ini bertanggungjawab untuk menerima, memproses serta menimbang semua jenis permohonan lesen pengangkutan yang terdapat di negeri ini seperti lesen bas, bas sekolah, bas persiaran, bas berhenti, bas ekspres dan mini bas, lesen-lesen lori kelas "A", "C", lesen teksi dan lain-lain.

Tadi telah diperkatakan bahawa Lembaga Pelesenan ini lambat memberikan jawapan kepada pemohon-pemohon yang membuat permohonan untuk mendapatkan lesen teksi, bas dan sebagainya.

Saya mendapat tahu bahawa setelah permohonan-permohonan ditolak oleh Lembaga Pelesenan ini, sebuah Unit Rayuan Pelesenan Pengangkutan Jalan boleh menimbangkira dan menimbang semula segala rayuan-rayuan yang dikemukakan oleh pihak mereka yang tidak berjaya.

Di sini inginlah saya bertanya kepada Kementerian yang berkenaan apakah perlunya unit ini ditubuhkan sedangkan Lembaga Pelesenan sendiri sudah diberi kuasa dan boleh memutus serta memberikan suatu keputusan mengenai permohonan-permohonan bagi mendapatkan sebarang lesen sama ada bas, lori, teksi dan sebagainya. Menggantungkan keputusan kepada Unit Rayuan Pelesenan semata-mata setelah permohonan asal ditolak, adalah saya kira suatu Lembaga yang tidak berfungsi, kerana itu perlulah dikaji semula peranan Lembaga Pelesenan ini supaya ianya mempunyai kuasa yang muktamad.

Tuan Pengerusi, saya juga menyentuh Butiran 03000 mengenai Pengawasan dan Penyelarasan dan Program 030100—Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Anak-anak Syarikat, muka surat 157. Boleh dikatakan semua negeri-negeri di Malaysia ini telah menubuhkan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri masing-masing, di samping itu terdapat juga Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri, khususnya bagi negeri Selangor, Perak dan Pahang. Selain daripada Perbadanan ini puluhan, malah ratusan anak-anak syarikat daripada PKEN ini telah ditubuhkan.

Program-program yang dijalankan oleh PKEN-PKEN ini ialah membangunkan kawasan perindustrian, perumahan, galakan perniagaan, pembangunan dan pembaharuan bandar melalui pembinaan rumah-rumah dan ruang niaga yang lebih tersusun dan terancang. Banyak anak-anak syarikat ini yang mengalami kerugian dan ada pula aktiviti-aktiviti yang bertindih, bersaing dengan pengusaha-pengusaha bumiputera dan sebagainya.

Oleh itu, saya menyokong langkah Kementerian ini yang telah mengambil satu ketetapan dan keputusan bagi menutup anak-anak syarikat yang telah tidak menguntungkan atau mengalami kerugian.

Sehubungan dengan ini peranan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri juga telah mengadakan perumahan-perumahan, sebagai contoh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan juga Perbadanan-perbadanan di negeri yang lain. Banyak rumah-rumah yang telah didirikan, tetapi tidak dapat dijual kerana harga yang tinggi dan juga permohonan-permohonan tidak mendapatkan rumah tersebut dengan harga yang sepatutnya diberikan dengan kadar yang lebih murah.

Pembinaan rumah kedai, gerai, ruang perniagaan dan pejabat serta kompleks membeli-belah, banyak ruang yang tidak berisi. Saya fikir bahawa penglibatan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dalam industri Pelancongan seperti mengadakan kemudahan infrastruktur pelancongan, hotel-hotel dan kompleks pelancongan nampaknya seolah-olah bersaing di antara sebuah negeri dengan sebuah negeri yang lain dan ini boleh menimbulkan dan membawa serta melakukan pembaziran dan mungkin tidak menguntungkan. Justeru itu Kementerian Perusahaan

Awam hendaklah menyelaraskan perkara ini supaya tidak timbul perkara yang boleh merugikan.

Mengenai ruang-ruang niaga tadi, adalah diharapkan supaya pihak Kementerian yang berkenaan dapat mengatasi masalah ini, memberi dan mengagih kepada kalangan bumiputera sekalipun dengan harga yang berpatutan.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh Butiran 040000—Lembaga Padi dan Beras Negara dan Butiran 05000—Pemberian kepada Lembaga Padi dan Beras Negara sebagai Modal Tambahan untuk Pembelian Padi.

LPN telah ditubuhkan pada tahun 1971 bagi objektif menyimpan dan menyelenggara suatu bekalan padi dan beras yang cukup untuk para pengguna dan bagi mengatasi segala kecemasan serta memastikan harga padi yang berpatutan dan stabil bagi petani dan pengguna.

Objektif LPN ini patutlah dikaji semula. Ianya hendaklah berusaha bagi menjadikan negara ini sebagai pengeluar beras ataupun pengeksport beras yang berjaya dengan membuka lagi kawasan-kawasan sawah baru bagi mengatasi sawah-sawah terbiar untuk dijadikan tempat bercucuk tanam secara commercial. Hari ini LPN menjadi sasaran, perbincangan awam, kerana beberapa perkara kegagalan atau kelemahan yang terdapat pada Lembaga Padi dan Beras Negara. LPN tidak berjaya mengatasi pembelian-pembelian padi yang melimpah-limpah di pusat-pusat pembelian padi. LPN tidak mempunyai kenderaan yang cukup bagi mengangkut dan membawa padi tersebut daripada pusat pembelian kepada kompleks-kompleks kilang LPN. LPN pula tidak mempunyai pemanas (dryer) yang cukup bagi mengeringkan padi basah dan juga terdapatnya kelemahan dalam menentukan grading oleh

pemilih-pemilih padi LPN sendiri. Di samping itu, yang menjadi perbincangan hangat oleh petani-petani ialah kadar potongan yang tinggi yang dilakukan oleh pihak Lembaga Padi dan Beras Negara.

Saya sukalah mengambil kesempatan di sini mengenai cadangan pembinaan kilang LPN khususnya bagi Sabak Bernam dan Tanjong Karang yang mana saya dapat tahu telah diluluskan dua buah kilang LPN bagi kawasan Sungai Panjang dan Bagan Terap. Oleh itu, dalam usaha pembangunan Kementerian Perusahaan Awam ini kiranya projek ini dapat diteruskan. Walaupun ada rancangan penswastaaan terhadap Lembaga Padi dan Beras Negara ini, saya berharap supaya petani-petani tidak akan menjadi mangsa orang tengah sekiranya Lembaga Padi ini hendak diwastakan.

Saya suka menyentuh kepada Butiran 070000, Subsidi Harga Padi. Seperti kata Yang Berhormat dari Jerai, petani-petani di Selangor khususnya dari Sabak Bernam dan Tanjong Karang juga adalah menyambut baik kerana dengan adanya pemberian yang diteruskan oleh Kerajaan bagi memberi subsidi harga padi kepada petani-petani. Dengan pemberian subsidi harga ini dengan sendirinya petani-petani mendapat kelebihan harga dan dapat menikmati harga padi yang tinggi secara tidak langsung.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh kepada Butiran 060000—Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA). Saya dapat tahu ruang niaga UDA telah banyak ditubuhkan dan saya ingin mendapat tahu daripada Kementerian yang berkenaan berapa banyakkah

yang dijual dan bagaimanakah dengan pembayarannya. Dan juga bagaimanakah ruang-ruang niaga yang masih kosong termasuk bangunan Daya Bumi sendiri?

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 003000—Bank Pembangunan Malaysia. Saya merayu supaya dikaji semula peranan Bank ini kerana ianya gagal melahirkan usahawan bumiputera dalam sektor perniagaan dan perusahaan yang berjaya. Banyak pinjaman daripada Bank ini telah tidak dibayar oleh peminjam dan juga kecekapan pegawai-pegawai Bank ini hendaklah sentiasa diawasi. Sebagai pemegang amanah kepada bumiputera, Bank Pembangunan Malaysia Berhad dengan program ibu pejabat baru yang sedang dibina itu hendaklah disusun semula termasuk Lembaga Pengarahnya sekali. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.27 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Pengerusi, terutama sekali saya ingin merujuk kepada muka surat 157, Butiran 020000, Program/Aktiviti Pelesenan, Kod 2000, Perkhidmatan dan Bekalan dan Butiran 020100, Program/Aktiviti Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan Semenanjung.

Bercakap mengenai perkara pelesenan dan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan, saya suka menggesa Kementerian berkenaan supaya menyemak semula Bahagian Kelima Ordinan Pengangkutan Jalan 1958 berkaitan dengan Pelesenan Kenderaan, Perdagangan dan Pengangkutan Awam yang mana telah ketinggalan zaman dan perlu

digantikan dengan satu undang-undang baru yang lebih comprehensive dan lebih baik lagi berkaitan dengan masalah Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan Pengangkutan Awam. Undang-undang yang ada sekarang digubal pada tahun 1958 yang telah didapati sudah lapuk dan ketinggalan zaman dan menyebabkan berbagai-bagai masalah berkaitan dengan Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan Pengangkutan Awam.

Adalah kena pada masanya satu undang-undang baru dikuatkuasakan yang barangkali boleh dikenali sebagai Akta Pelesenan Kenderaan Pengangkutan Awam dan Perdagangan bagi menggantikan Bahagian Kelima Ordinan Pengangkutan Jalan, 1958 dan mengendalikan berbagai-bagai masalah yang berkaitan dengan Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan Pengangkutan Awam.

Satu bidang penting yang seharusnya mendapat perhatian berat Kementerian berkenaan terutamanya oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan dengan maksud untuk mengemaskinikan undang-undang kita ialah berkenaan dengan had perjalanan teksi-teksi yang memakai tanda "teksi bulat". Pada masa ini teksi bulat ini dikehendaki bergerak dalam satu kawasan tertentu dan tidak dibenarkan bergerak ke dalam kawasan lain bagi menurunkan atau mengambil penumpang-penumpang. Sebagai contoh, terdapat berbagai-bagai zon atau kawasan sekarang. Satu daripadanya ialah Kuala Lumpur di Wilayah Persekutuan dan yang lain-lain adalah Petaling Jaya, Selayang, Batu Caves dan lain-lain tempat yang ditetapkan.

Saya suka mencadangkan bahawa had kawasan terutamanya antara Kuala Lumpur dan Petaling Jaya hendaklah dimansuhkan. Kuala

Lumpur dan Petaling Jaya mempunyai satu perhubungan yang sangat rapat dari segi mobility penduduk yang bergerak dari satu tempat ke satu tempat lain untuk perdagangan, kebudayaan dan lain-lain hal yang berkaitan. Adalah penting bagi teksi-teksi seperti teksi bulat ini dibenarkan bergerak tidak sahaja dalam dan sekitar Kuala Lumpur akan tetapi juga ke Petaling Jaya dan sebaliknya. Tempat-tempat seperti Selayang, Batu Caves, Zoo Negara, Damansara dan Ulu Gombak hendaklah juga diliputi oleh teksi bulat ini dalam perjalanan mereka. Terdapat lebih kurang 5,000 buah teksi dalam Wilayah Persekutuan pada hari ini dan lebih kurang 70% daripadanya ialah teksi bulat, sementara baki 30% lagi ialah teksi yang memakai tanda "empat segi" dan ini tidak ada had perjalanan kawasan kerana teksi-teksi ini boleh bergerak ke mana sahaja mereka suka.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa dengan menghapuskan had kawasan antara Kuala Lumpur dan Petaling Jaya dan lain-lain kawasan yang saya menyebutnya tadi, ianya tidak sahaja akan membantu menambahkan pendapatan pemandu-pemandu teksi akan tetapi juga untuk kemudahan dan keselesaan orang ramai, terutamanya para pelancong.

Saya menggesa Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan supaya mengkaji cadangan saya ini untuk menghapuskan had kawasan yang saya menyuarakan bagi pihak pelbagai persatuan-persatuan teksi yang saya wakili.

Berhubung dengan perkara pelesenan, saya juga suka menggesa Kementerian berkenaan supaya mengkaji semula keputusannya untuk membekukan semua permohonan permit teksi untuk kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya dengan mengambil kira masalah

pengangguran dan pemberhentian kerja beramai-ramai yang terdapat sekarang dan juga mengambil kira bertambahnya bilangan pelancongan yang melawat di negara kita.

Pembekuan ke atas permohonan-permohonan permit teksi yang telah dikuatkuasakan sejak tahun 1983 dan saya suka menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula tindakan pembekuan itu dengan tujuan untuk menarik balik pembekuan itu bagi membolehkan semua yang layak memohon permit teksi boleh mengemukakan permohonan mereka.

Saya menggesa Kerajaan supaya menarik balik tindakan pembekuan permohonan bagi kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya kerana masalah pengangguran yang ada sekarang dan juga kerana keperluan menyediakan lebih banyak perkhidmatan memandangkan usaha-usaha Kerajaan untuk menarik lebih ramai pelancong ke dalam negara kita.

Jika permohonan-permohonan ini dibuka semula, saya suka menggesa Kerajaan supaya memberikan keutamaan kepada pemandu-pemandu teksi persendirian yang bergantung hidup dari hasil memandu teksi, terutamanya mereka yang telah memandu teksi selama lebih 10 tahun.

Kerajaan seharusnya jangan menekankan bahawa mereka yang memohon permit teksi dibuat menerusi kumpulan seperti syarikat-syarikat atau koperasi kerana dalam apa cara sekalipun ianya tidak mendatangkan faedah kepada orang perseorangan yang layak memohon tetapi tidak berupaya untuk menubuhkan sebuah syarikat.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada Butiran 030000—Pengawasan dan Penyelarasan dan 030100—Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Anak-anak

Syarikat yang terkandung dalam muka surat 157. Bercakap di atas tajuk ini, saya suka menyeru Kementerian berkenaan supaya mengambil langkah-langkah yang konkrit untuk mengawasi dengan rapi dan menilai segala kegiatan semua agensi-agensi di bawah Kementerian yang berkenaan dan 13 buah PKEN termasuk anak-anak syarikat masing-masing.

Saya difahamkan bahawa satu sistem pengurusan data atau, dengan izin, management information system telah ditubuhkan bagi mengawasi prestasi anak-anak syarikat PKEN. Saya berharap unit ini berupaya melaksanakan tugasnya dengan berkesan oleh kerana Kementerian ini mesti mempunyai tanggungjawab terhadap semua aktiviti-aktiviti agensi-agensi ini dan anak-anak syarikat, memandangkan wang-wang orang ramai atau awam sentiasa dibelanjakan setiap tahun oleh agensi dan anak syarikat itu.

Sebagai contohnya untuk tahun 1987, saya mendapati bahawa sejumlah \$46.8 juta telah diperuntukkan kepada PKEN di bawah Anggaran Pembangunan Kementerian ini untuk tahun 1987 sebagai pinjaman untuk membiayai berbagai-bagai aktiviti-aktiviti PKEN-PKEN dan anak-anak syarikat mereka.

Dengan peruntukan yang sebegitu besar adalah perlu kegiatan-kegiatan semua PKEN-PKEN dan anak-anak syarikat diawasi dengan rapi bagi memastikan cara mana wang awam ini dipergunakan.

Pada 5hb November yang lalu Dewan Rakyat telah diberitahu oleh Timbalan Menteri Kewangan dalam jawapannya kepada soalan Ahli dari Bandar Kuching bahawa anak-anak syarikat yang ditubuhkan oleh pelbagai Kementerian, Badan-badan Kerajaan dan agensi-agensinya telah

mengalami kerugian lebih daripada \$2 bilion sehingga akhir tahun 1985. Menurut Timbalan Menteri Kewangan sebanyak 307 daripada 855 buah anak syarikat yang ditubuhkan telah mengalami kerugian yang besar yang terpaksa ditanggung oleh pembayar-pembayar cukai.

Tuan Pengerusi, pelbagai PKEN dan anak-anak syarikat mereka mestilah mengambil perhatian yang serius ke atas kerugian yang berat itu. Langkah-langkah mestilah diambil untuk memulih anak-anak syarikat ini dan mengatasi kerugian ini menerusi kecekapan pengurusan dan pengauditan, menyelaras operasi dan pengawasan yang rapi ke atas agensi dan syarikat-syarikat yang terlibat. Semua anak-anak. . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit lagi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Pengerusi, semua anak-anak syarikat yang tenat atau kurang menunjukkan prestasi yang baik yang mengalami kerugian dan tidak mungkin boleh diperbaiki hendaklah dibubar atau diswastakan. Jika Kerajaan memilih untuk menswastakan maka semua syarikat yang mengalami kerugian hendaklah diberikan keutamaan dalam penswastakan oleh kerana tidak munasabah meletakkan beban kerugian itu ke atas bahu orang awam.

Negara akan memikul beban hutang dan defisit yang besar sekiranya Kerajaan masih terus memberi sokongan agensi-agensi dan anak syarikat yang tidak begitu baik prestasinya yang berpunca dari salah pengurusan, kawalan kewangan yang lemah dan tidak mempunyai public accountability, dengan izin, ke atas aktiviti-aktiviti mereka. Sekian.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap.

4.35 ptg.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyambung perbincangan ke atas Lembaga Padi dan Beras Negara. Selepas Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Pasir Mas, Jerai dan Sabak Bernam dan saya ingin menambah sedikit iaitu di atas Butiran 040000 Maksud Bekalan B.33 dan 00500 di bawah Maksud Bekalan P.33. Saya ingin menyatakan di sini bahawa Lembaga Padi dan Beras Negara perlu menyemak semula polisi-polisinya yang perlu pada masa ini terutama sekali apakah polisi kecukupan pengeluaran beras negara pada tahap 80% itu pada masa ini masih lagi sesuai memandangkan pengimportan barang makanan pada kadar \$3,000 juta setahun.

Apakah dengan wujudnya polisi ini menjadikan LPN tidak sensitif kepada masalah yang berulang tiap-tiap tahun semenjak LPN ditubuhkan 14 tahun yang lalu. Masalah ini ialah masalah pembaziran padi basah di tiap-tiap kali penuaian musim tengkujuh. Mungkin apabila masalah pembaziran ini diselesaikan, kita tidak perlu lagi mengimport beras dari luar. Saya harap Kementerian bersikap tegas dalam hal ini.

Tuan Pengerusi, tiap-tiap tahun kaum petani lantang membantah tentang pembaziran padi basah yang tumbuh dan busuk di kompleks LPN khususnya di Kedah, Perlis dan Negeri Kelantan. Mungkin LPN bersikap apa yang perlu dirisaukan oleh petani-petani kerana padi itu sudah pun dibeli oleh LPN. Di sinilah saya fikir LPN membuat satu kesilapan yang besar.

Walaupun padi yang busuk dan tumbuh yang membawa pembaziran pada tahap \$9 juta sehari itu adalah hak kepunyaan LPN, ianya mencemarkan nilai kaum petani mengenai penjimatan barang

makanan. Orang-orang Melayu khususnya kaum petani pantang melihat barang makanan yang dibiarkan dan dibazirkan. Lebih-lebih lagi padi yang menduduki tempat yang istimewa di dalam budaya mereka. Mereka marah Kerajaan kerana pencemaran nilai budaya ini. Lebih-lebih lagi apabila pembaziran ini berlaku di tengah-tengah masyarakat tani yang miskin. Tidakkah LPN yang pegawai-pegawai tingginya terdiri dari orang-orang Melayu, yang mempunyai nilai yang sama sedar tentang hakikat ini. LPN tidak boleh lagi bersikap stone-walling, dengan izin, kepada desakan-desakan masyarakat ini. Credibility Kerajaan akan terhakis. Apakah masalah ini tidak dapat diatasi selama 14 tahun. Tidak adakah teknologi-teknologi baru yang boleh menyelesaikan masalah pembaziran-pembaziran ini. Saya pasti tentu ada.

Saya menyeru pihak LPN merombak semula sistem pengurusan dan juga polisi-polisinya. LPN jangan hanya dijadikan satu regulatory agency sahaja. Malah ianya mesti menjadi satu developmental agency, dengan izin, yang membangunkan industri yang berasaskan padi dan beras.

Selama ini apakah LPN berusaha ke arah ini. Memandangkan import meehoon yang banyak dari Republik Rakyat China, Taiwan dan Thailand, mengapa LPN tidak mengeluarkan meehoon dari berasnya di MADA dan di KEMUBU. Jikalau tidak ada peruntukan fungsi di dalam Akta LPN, adakah usaha untuk mengadakannya dibuat, apakah LPN lebih mementingkan perhubungan mereka dengan Bangkok dari melihat pembangunan ekonomi di negara ini sendiri?

Tuan Pengerusi, selagi LPN tidak mengubah falsafah pengurusan selagi itulah kaum petani akan

membantah dan selama itulah Wakil-wakil Rakyat dari kawasan padi dan beras akan melaungkan bantahan mereka di Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin pula mengambil peluang ini membahaskan di dalam Butiran 020000 di bawah program 020100 iaitu Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan, Semenanjung, peruntukan yang diberi ialah sebanyak \$3,519,600. Lembaga ini ditubuhkan untuk memastikan kelicinan di dalam pentadbiran pengawalan perlesenan. Kewujudannya ialah untuk "facilitate", dengan izin, ataupun memberi kemudahan kepada industri pengangkutan yang menjadi penggerak kepada pembangunan ekonomi kita. Untuk memberi "facilitation" ini, dengan izin, Lembaga ini harus mengurangkan kerenah birokrasinya.

Banyak sungutan dibuat mengenai kelambatan dan kepayahan di dalam mendapatkan lesen pengangkutan dan yang sudah dapat pula telah bersungut mengenai proses pembaharuan lesen ini yang mengambil masa yang lama. Ini sangat-sangat memberi kesan negatif terhadap pengusaha-pengusaha kecil, di sebaliknya pengusaha pengangkutan yang besar berkeupayaan merancang kerja mereka dengan rapi dan mungkin tidak berapa merasai akibat kerenah ini. Tetapi untuk seseorang pengusaha kampung atau dari pekan kecil yang mempunyai sebuah atau dua buah lori atau van, ianya tentu memberikan kesan yang buruk dan merugikan perniagaan mereka.

Saya sebutkan misalnya, seorang pengusaha lori kecil menggunakan lorinya membawa bekalan ayam yang sudah disembelih dari kampung ke bandar pada kadar 2,000 ekor sehari. Apabila lesen pengangkutannya hampir mati, beliau memohon pembaharuan. Proses pembaharuan

ini mengambil masa satu bulan yang mana beliau tidak dibenar menjalankan lorinya selama tiga minggu sebelum diluluskan permohonannya itu. Ini bermakna bahawa tiga minggu matapencariannya hilang dan juga memutuskan satu rangkaian pemasaran dari ekonomi kampung ke bandar.

Gejala ini tentu sekali tidak menggalakkan pertumbuhan ekonomi kita. Mengapa tidak boleh diberi kepada beliau lesen sementara untuk tiga minggu yang dipenuhi oleh Lembaga semasa meneliti permohonan pembaharuannya. Apakah Lembaga ini tidak sensitif mengenai keperluan-keperluan di dalam bidang perniagaan? Saya harap Yang Berhormat Menteri berkenaan dapat memberikan perhatian di dalam hal ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga bertanya kepada Menteri yang berkenaan mengenai apakah kriteria yang digunakan untuk memberi lesen teksi kepada pemohon-pemohon dari luar bandar. Adakah ianya berdasarkan kepada bilangan penduduk? Kalau ya, mengapa di kawasan-kawasan yang jauh dan berkependudukan tinggi tidak diberikan teksi pada nisbah yang berpatutan? Misalnya di Lubuk Merbau, satu Rancangan FELDA yang terpicil di Padang Terap yang mempunyai 8,000 penduduk, tetapi teksi yang diberikan 5 buah sahaja walaupun lebih banyak yang dipohon. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Ledang.

4.43 ptg.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman (Ledang):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.33, muka

surat 158, Butiran 070000, Program Pemberian Subsidi Harga Padi berjumlah \$205 juta.

Tuan Pengerusi, subsidi sebanyak \$205 juta untuk subsidi terhadap harga padi adalah satu jumlah yang besar dan kalau kita campurkan dengan subsidi dalam bentuk baja untuk menanam padi di bawah Kementerian Pertanian sebanyak \$80 juta, maka subsidi untuk sektor padi ialah lebih kurang \$285 juta.

Tuan Pengerusi, saya ingin menanya terlebih dahulu apakah matlamat subsidi ini? Adakah ia untuk menggalakkan pengeluaran padi untuk negara kita supaya memenuhi keperluan 80%? Ataupun adakah ianya untuk membantu petani-petani miskin yang tidak mempunyai tanah ataupun apa juga bentuk petani tidak kira bidang pengeluaran mereka ataupun pemilikan tanah mereka, ataupun adakah subsidi ini untuk membantu supaya harga beras di negara kita ini pada tahap rendah supaya subsidi itu dapat merendahkan harga beras dalam ekonomi kita?

Tuan Pengerusi, saya belum dapat kepastian, yang manakah satu di antara matlamat tersebut. Oleh yang demikian, saya menanya tentang perkara ini. Tetapi apa yang dapat kita kesan ialah oleh kerana subsidi yang diberikan adalah diletakkan secara pada harga padi yang dijual melalui LPN, maka setiap daripada pengeluar padi tadi tidak kira sama ada ianya pemilik tanah ataupun mereka adalah menggunakan tanah ataupun menyewa tanah, tidak kira sama ada ianya mengusahakan tanah itu pada bidang yang kecil ataupun yang besar, selagi mereka mengeluarkan padi dan menjual padi, maka mereka berhak mendapat subsidi tersebut. Jadi, ini bermakna bahawa tidak ada perbezaan di antara mereka yang menerima subsidi. Ini bermakna bahawa kalau sekiranya kita melihat

perkara ini dari segi tujuan subsidi untuk menolong petani yang kecil, petani yang miskin yang seharusnya dibantu, maka sebenarnya apabila meletakkan subsidi ini pada harga padi, kita bersama-sama memberikan subsidi kepada mereka yang mengerjakan sawah secara besar-besaran, sama ada dengan cara menyewa tanah orang ataupun kerana mereka itu mempunyai tanah sendiri secara besar-besaran.

Saya sedia maklum bahawa di negara kita ini dalam sektor padi tidaklah seperti di negara-negara Amerika Latin di mana wujudnya pemilik-pemilik tanah secara besar-besaran yang berbentuk "hasianda" dan sebagainya, tetapi Tuan Pengerusi, subsidi yang diberikan berdasarkan kepada cara yang ada ini membawa kesan yang agak negatif kepada petani-petani kecil yang sehinggakan kita dapati bahawa akhirnya operator-operator secara besar-besaran berdasarkan kepada sistem kejenteraan yang digunakan membawa kepada tersingkirnya ataupun berlakunya, dengan izin, displacement di kalangan petani-petani kecil di sektor padi kerana pengusaha-pengusaha secara besar-besaran ini mengetahui bahawa adalah menguntungkan kalau sekiranya mereka dapat mengusahakan sawah-sawah padi secara besar-besaran.

Di sini saya ingin menekankan bahawa mengusahakan sawah padi ini mendatangkan faedahnya tidaklah berbeza dari segi hasilnya, jika sekiranya usaha itu dibuat pada bidang yang kecil ataupun pada bidang yang besar, bahkan telah dibuktikan secara sah bahawa operasi secara kecil-kecilan hasilnya dari segi bidangan kecil adalah sama dengan hasil daripada operasi bidangan yang besar. Jadi, tidak kira sama ada operasi itu pada peringkat yang kecil-kecilan ataupun besar-besaran bidangan, economies of scale, dengan izin, ekonomi bidangan adalah sama, tidak

kira sama ada operasi itu secara besar-besaran ataupun kecil-kecilan.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan di sini apabila Wakil dari Padang Terap mengatakan bahawa pihak LPN, saya ingin merujuk kepada pihak Kementerian keseluruhannya supaya bukan sahaja melihat pemberian subsidi harga padi ini sebagai satu tanggungjawab untuk melaksanakan sahaja dasar Kerajaan ataupun program Kerajaan ataupun hanya mengawasi program tersebut, bahkan terpaksa lebih, dengan izin, developmental lagi ataupun lebih innovative lagi. Jika sekiranya perkara ini perlu difikirkan di antara Kementerian yang berkenaan dengan Kementerian Pertanian, maka sewajarnya perkara ini dibawa ke tengah.

Saya ingin mencadangkan di sini supaya subsidi padi ini diselidiki semula supaya faedahnya akan dirasakan kepada mereka yang berhak menerima subsidi dan saya mencadangkan di sini supaya subsidi ini apabila difikirkan wajar untuk tahun-tahun yang akan datang, mungkin bukan untuk tahun 1987, supaya subsidi ini diberi dalam bentuk secara langsung kepada petani-petani kecil, lebih-lebih lagi dalam usaha mereka untuk menyewa tanah-tanah, kalau sekiranya mereka tidak mempunyai bidang tanah yang cukup dari segi saiz, maka mereka sewajarnya dibantu untuk membesarkan operasi mereka dengan cara menyewa tanah, sama ada tanah itu dimiliki oleh orang lain ataupun tanah yang sedia terbiar itu.

Jadi dengan cara tersebut, saiz ataupun operasi mereka akan dapat diperbesarkan, maka jumlah ataupun kuantiti padi yang dapat dikeluarkan dapat ditingkatkan daripada pengeluaran yang tinggi dan banyak tadi, maka jumlah hasil yang dapat

diterima oleh petani-petani kecil tadi akan meningkat. Dengan cara demikian mungkin pendapatan mereka akan melebihi daripada paras kemiskinan, jika sekiranya petani-petani kecil itu adalah di bawah garis kemiskinan.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian ini menyelidik semula tentang soal pemberian subsidi padi ini kerana dengan cara yang saya sebutkan tadi mudah-mudahan mereka yang lebih berhak menerima subsidi tadi akan dapat faedah daripadanya sambil itu pula kita akan dapat memastikan bahawa pengeluaran padi dari segi kuantiti yang dikeluarkan tidak berkurangan dan sambil itu pula kita dapat memastikan bahawa harga beras di negara kita ini tidak lebih daripada harga yang dinikmati oleh pengguna-pengguna beras di kalangan masyarakat kita. Jadi, Tuan Pengerusi, itulah sahaja pandangan daripada saya berkaitan dengan Kementerian yang berkenaan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sebelum Menteri menjawab, saya ingin memberi peluang kepada seorang lagi. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

*4.52 ptg.*

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada muka surat 157, Maksud Bekalan B.33, Butiran 030000. Saya hendak bertanya mengenai sebuah projek usaha sama di antara Korean Heavy Industries dengan pihak SEDC iaitu Perak Hanjoong Cement (Sdn) Bhd.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Muka surat berapa Yang Berhormat?

**Tuan Lim Guan Eng:** Muka surat 157, Butiran 030000, iaitu Perak Hanjoong Cement (Sdn) Bhd. Saya hendak bertanya sama ada apa yang dikatakan iaitu Sistem Amaran Awal Unit Pusat Pengumpulan Maklumat atau, dengan izin, Early Warning System of CICU yang baru ditubuhkan telah dicetuskan atau dihidupkan dengan masalah kerugian kewangan yang ditimpa oleh sebuah perusahaan awam bukan kewangan iaitu Perak Hanjoong Cement (Sdn) Bhd. Projek \$500 juta ini yang dimiliki sekurang-kurangnya oleh 51% ekuitinya oleh Kerajaan terletak di Padang Rengas, Perak. Pengeluarannya telah tergendala atau ditangguhkan selama 4-6 bulan akibat kesilapan jurutera-jurutera Korea terlupa memasang sebuah pengering yang berharga \$400,000.

Pengarah Urusan Perak Hanjoong, Tuan Salleh bin Haji Hashim semasa menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Tualang, Perak, Yang Berhormat Tuan Ngan Siong Hing, menyatakan bahawa sistem yang ada tidak memerlukan sebuah pengering seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Ngan. Pengering adalah diperlukan untuk mengeringkan tanah liat agar dapat mengeluarkan simen yang bermutu. Kalau begitu adakah kenyataan Tuan Salleh bermakna bahawa \$500 juta telah dibiayai untuk mendirikan sebuah kilang simen tanpa bertujuan untuk mengeluarkan simen yang bermutu, atau adakah teknologi baru sedang digunakan untuk mengeluarkan simen yang bermutu yang tidak memerlukan pengering? Kalau ya, berapakah perbelanjaan teknologi baru itu, sama ada ia lebih murah dan, dengan izin, cost-efficient. Pihak Kementerian juga mesti menjelaskan sama ada projek ini ditunda iaitu pengeluaran ini ditunda, pihak Kerajaan telah menjaminkan pinjaman-pinjaman untuk membiayai projek ini. Saya ingin tahu, Tuan

Pengerusi, sama ada wang faedah tambahan yang dikenakan akibat tundaan pengeluaran selama 4-6 bulan ini dibiayai oleh Kerajaan atau Korean Heavy Industries. Saya ingin mengambil tahu tentang jumlah kerugian yang dialami oleh Perak Hanjoong Cement (Sdn) Bhd. Saya juga ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh CICU untuk menyelesaikan masalah-masalahnya memandangkan perusahaan simen kini melebihi keperluan dan, dengan izin, glut, dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menswastakannya?

Saya ingin merujuk kepada Butiran 040000, muka surat 158, Maksud Bekalan yang sama iaitu B.33 di bawah Aktiviti Stokpail Importan, Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1987, muka surat 93, sebanyak 350,000 tan metrik beras telah diimport sementara 300,000 tan metrik dijual pada tahun 1986. Nilai-nilai ini dijangka tidak akan berubah bagi tahun 1987. Setahu saya menjelang bulan September 1986, 68,000 tan metrik beras Siam masih tersadai sahaja di gudang-gudang LPN, selama lebih daripada 2 tahun. Ini adalah kerana LPN tidak berjaya memasarkan longgokan beras tersebut. Akibatnya, negara kita kerugian berjuta-juta ringgit ketika beras tersebut rosak dan jatuh mutunya kerana terlalu lamanya disimpan. Prestasi sebegini tidak memuaskan. Tambahan lagi penyeludupan beras daripada negeri Thai juga melemahkan tujuan aktiviti stokpail Importan, iaitu untuk memastikan pengguna-pengguna mendapat harga beras yang berpatutan dan stabil serta menyimpan dan menyelenggara satu bekalan padi dan beras yang cukup bagi mengatasi segala kecemasan. Setiap tahun sebanyak 150,000 tan metrik beras diseludup ke dalam negara dan ini membawa kepada kerugian sebanyak \$75 juta setahun.

Merujuk kepada Butiran 050000, muka surat yang sama, di bawah Kod 4000, Program - Pemberian LPN sebagai Modal Tambahan untuk Pembelian Padi telah diperuntukkan \$24 juta bagi tahun 1987. Memandangkan yang LPN mengalami kerugian sebanyak \$160 juta setahun kerana membeli beras padi yang berkualiti rendah sebanyak 385,000 tan beras dijadikan bahan makanan binatang atau baja. Adakah LPN dapat memastikan yang wang peruntukan tidak akan disia-siakan sahaja? Bagaimanakah wang peruntukan ini akan dibelanjakan? Kebertanggungjawapan kewangan LPN adalah kurang memuaskan pada tahun-tahun yang lepas. Di antara sebab-sebabnya adalah pegawai-pegawai kewangan yang menyeleweng. Oleh itu, disiplin kewangan yang ketat harus ditegaskan.

Pada muka surat yang sama iaitu Butiran 070000, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap di bawah Program Pemberian Subsidi Harga Padi. Anggaran 1987 adalah sebanyak \$200.05 juta ringgit berbanding dengan \$185 juta dalam tahun 1986. Ini berupa tambahan sebanyak \$20 juta bagi tahun 1987. Kerajaan pernah menasihati petani-petani supaya jangan mengamalkan mentality subsidi dan memupuk semangat berdikari. Kami tidak menafikan keperluan untuk menghulurkan bantuan kewangan kepada para petani yang miskin, namun demikian pemberian subsidi bukanlah satu penyelesaian jangka panjang yang memuaskan, lebih-lebih lagi apabila kadar kemiskinan masih tinggi di kalangan petani, iaitu kira-kira 45%. Walaupun subsidi telah diberikan bertahun-tahun lamanya kemelesetan ekonomi telah merumitkan lagi masalah bantuan kewangan.

Masanya sudah sampai untuk mengkaji semula program-program pemberian subsidi yang sebahagian

besarnya dinikmati oleh golongan petani yang secara realitinya lebih kaya dan terus memudaratkan perkembangan mereka yang miskin. Selain daripada itu, skim subsidi harga padi yang bertujuan untuk menambahkan pendapatan petani-petani ke tingkat-tingkat yang lebih tinggi, melemahkan kuasa pemasaran LPN dan mematikan pengembangan keusahawanan pengilang-pengilang padi swasta. Ini adalah kerana LPN berupaya untuk membeli keluaran petani-petani pada tingkat harga \$38,21 bagi 100 kilogram, walhal harga pasaran hanyalah \$73.74. Akhirnya juga beras gred B-2 yang dibeli oleh LPN terpaksa dijualkan hanya selepas grednya diturunkan kepada B-5, iaitu pada harga \$18.25 bagi 100 kilogram. Maka ini bermakna bahawa setiap 100 kilogram beras yang dijual, LPN rugi sebanyak \$59.96—satu kerugian yang besar bagi pihak LPN, para pengilang swasta dan juga petani-petani.

Pertubuhan Pengilangan Beras Negeri-negeri Kedah dan Perlis melaporkan bahawa 46 daripada 56 buah kilang pengilang swasta terpaksa ditutup kerana kos pengeluaran yang tinggi akibat dari kawalan harga beras. LPN pula tidak berupaya untuk menguruskan pengilangan kesemua hasil keluaran yang ditawarkan oleh petani-petani kerana kekurangan kemudahan pengilangan, kelembapan setengah-setengah daripada pegawai-pegawainya untuk mengabaikan urusan pembelian dan jualan Lembaga dan kejadian rasuah. Petani-petani pula mengalami kerugian sebesar \$25 juta kerana hujan yang lebat dan kegagalan LPN untuk membeli dan mengilang keluaran mereka. Maka pemberian subsidi harga yang melulu ini tidak masuk akal, sebaliknya ia telah membawa kesan yang negatif dan bertentangan dengan matlamat asalnya. Oleh itu, bagaimanakah pertambahan peruntukan sebanyak \$20 juta ini dapat menguntungkan

petani-petani yang benar-benar miskin.

Akhirnya saya hendak rujuk kepada B.33, muka surat 157. . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya. Butiran 02100 mengenai Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan Semenanjung. Saya harap bahawa pihak Kementerian dapat mengeluarkan lesen teksi kepada orang yang memandunya kerana terdapat setengah/sebilangan orang yang mempunyai beberapa lesen sehingga sampai 5 atau 6 buah lesen teksi dan menyewa lesen itu kepada pemandu-pemandu lain. Ini adalah sangat menyedihkan kerana terdapat pemandu-pemandu yang mencari makan dengan memandu teksi sahaja dan mereka tidak mendapat peluang untuk memiliki lesen ini. Saya harap pihak Kementerian boleh membatalkan pemilik-pemilik lesen ini yang tidak memandu teksi dan menghadkan setiap orang kepada satu lesen teksi sahaja.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam suasana yang sangat romantik ini (*Ketawa*), saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.02 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Pengerusi, walaupun keadaannya romantik, tetapi tidak bagi saya (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan sebanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah

membahaskan peruntukan Kementerian Perusahaan Awam di peringkat Jawatankuasa ini. Saya akan cuba menjawab seberapa yang mungkin semua perkara yang dibangkitkan, tetapi sekiranya ada perkara-perkara yang tidak dapat saya sentuh atau tidak jawab, tidak bermakna pendapat-pendapat dan cadangan-cadangan itu tidak diambil perhatian dan pertimbangan oleh pihak Kementerian atau saya sendiri. Kesemuanya akan diambil kira dan yang mana ianya boleh diterima, akan dilaksanakan atau diambil perhatian.

Begitu ramai Ahli Yang terhormat yang begitu berminat dengan Kementerian saya, iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, Jerai, Rajang, Sabak Bernam, Bukit Bintang, Padang Terap, Ledang dan Kota Melaka. Terlebih dahulu saya suka menyentuh perkara yang dibangkitkan mengenai bab LPN.

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, LPN ini diwujudkan untuk menentukan supaya petani-petani mendapat bayaran-bayaran yang sesuai dengan usaha-usaha mereka yang begitu gigih, begitu kuat bekerja, di samping hasil padi itu tidaklah begitu lumayan. Di samping itu, Kerajaan tidak dapat pula menaikkan harga padi dengan bayaran subsidi yang berlebih-lebihan atau menaikkan harga padi kerana ia boleh menyebabkan pula harga-harga beras yang boleh melambung tinggi dan dengan ini pula akan menyebabkan pengguna-pengguna atau kita semua mungkin tidak mampu untuk makan beras yang baik.

Adalah tidak adil sekiranya pihak Pembangkang membangkitkan perkara subsidi yang dibayar kepada petani-petani yang miskin khususnya pesawah-pesawah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, dengan bayaran subsidi itupun mereka tidak menjadi orang

yang senang-lenang. Adalah satu "irony" bagi pihak parti DAP yang suka membangkit-bangkitkan satu perkara apabila ianya tidak menguntungkan satu kaum. Apabila ia menguntungkan kaum Melayu sahaja, walaupun kaum Melayu itu dalam keadaan yang miskin, maka parti DAP akan membangkit-bangkitkannya seolah-olahnya subsidi itu tidak perlu dibayar walaupun ianya membantu pihak-pihak yang miskin. Saya berpendapat ini adalah satu sikap yang tidak adil kerana pihak DAP menggunakan isu-isu chauvisnismenya di dalam Dewan Rakyat ini.

Tuan Pengerusi. . . . .

**Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)**

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Saya minta maaf, saya tak dapat beri jalan kerana banyak sangat saya hendak jawab, tetapi kalau ada masa, saya akan beri.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kota Melaka, sila duduk!

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Sekarang ini saya tak dapat beri fasal banyak hendak jawab.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Pengerusi, kalaulah kemungkinan yang terlibat itu ialah petani-petani daripada kaum bukan Melayu, mungkin DAP akan memperjuangkan subsidi-subsidi ini dengan lebih keras lagi dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, izinkan saya menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Langkah LPN untuk merampas beras-beras

yang dijual di pasar-pasar Kota Bharu dan Pasir Mas ialah langkah-langkah yang dijalankan bersama-sama dengan Unit Pencegah Penyeludupan, iaitu kita memerlukan tindakan-tindakan ini kerana didapati penyeludupan yang begitu kerap dilakukan di sempadan-sempadan negara kita dan penyeludupan ini tidaklah terhad kepada beras-beras atau padi-padi sahaja, bahkan bahan-bahan yang mungkin boleh diseludupkan, tetapi kemungkinan peniaga-peniaga ini yang terlibat dengan penyeludupan beras boleh juga diperalatkan untuk menyeludup barang-barang yang lain. Maka oleh sebab yang demikian, langkah-langkah ini diambil untuk menentukan supaya penyeludupan beras dapat diperkurangkan dengan sebanyak-banyaknya.

Mengenai beras yang dijual oleh LPN, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak LPN menyediakan berbagai-bagai beras dan berbagai-bagai mutu yang boleh dibeli oleh peruncit-peruncit. Pihak pemborong-pemborong yang menjadi penjual kepada peruncit-peruncit tersebut boleh membeli beras yang baik daripada LPN, tetapi disebabkan kerana harga beras Siam yang diseludup itu dijual dengan harga yang murah, maka pihak peruncit tidak mahu membeli beras daripada LPN yang tidak boleh memberi harga-harga yang sama murah dengan harga beras Siam yang diseludup itu. Maka oleh sebab yang demikian, mereka tidak berminat untuk membeli beras-beras yang baik kerana harganya terlalu tinggi. Walau bagaimanapun, pihak LPN menyediakan beras-beras tersebut untuk mereka yang berminat untuk menjual beras-beras yang bermutu tinggi. Maka adalah tidak benar LPN hanya menyediakan beras-beras yang begitu murah, begitu rendah mutunya dijual di pasar-pasar tersebut.

Pihak LPN sentiasa memberikan kepentingan rakyat lebih daripada

yang lain. Walau bagaimanapun, ini adalah satu perkara yang mustahil dilaksanakan dengan sepuas hati kesemuanya kerana ia memerlukan kerjasama, bukan sahaja daripada rakyat tetapi juga daripada setiap agensi-agensi, termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekiranya Ahli Yang Berhormat itu dapat memberikan kepada saya contoh beras itu terlebih awal daripada ini, mungkin sebelum dahulu ataupun 3, 4 minggu dahulu dan tidak membawanya ke dalam Dewan ini, kemungkinan saya dapatlah menyelesaikan kesusahan orang itu lebih awal daripada sekarang, tetapi untuk menunggu dibawa ke Dewan ini selepas 3 minggu atau 4 minggu, bukan sahaja menyusahkan rakyat, tetapi juga meng "embarrass" kan Kerajaan di sini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Jerai membangkitkan mengenai keadaan LPN yang tidak mampu membeli beras di musim hujan. Sebenarnya Ahli Yang Berhormat, padi-padi yang baik dijual oleh petani-petani kepada kilang-kilang swasta, yang kadangkala sengaja kerana dapat membeli padi yang baik, membeli dengan harga yang lebih tinggi daripada LPN, tetapi padi-padi yang basah, yang selalunya dikeluarkan dalam musim hujan tidak akan dibeli oleh pengusaha-pengusaha, pengilang-pengilang swasta, bahkan disebabkan oleh mereka tidak dapat menjual padi-padi itu di tempat swasta, maka keseluruhan padi-padi itu ditumpukan kepada LPN, bahkan padi-padi ini kebanyakannya padi yang basah.

Disebabkan kemampuan LPN hanyalah setakat 30% sahaja daripada kemampuan untuk membeli keseluruhan padi yang dikeluarkan maka sekiranya padi-padi yang dijual itu meningkat hingga 50% atau 60% daripada jumlah padi sepertimana yang berlaku baru-baru ini di Kedah

maka sudah tentulah pihak LPN tidak dapat mengendalikannya. Kalau pun pihak LPN hendak mengendalikan keseluruhan padi-padi yang dijual di dalam musim basah ini, LPN berkehendakkan jumlah peruntukan yang besar untuk mampu menyelenggarakannya dengan tidak ada bantuan daripada pihak swasta.

Sepertimana yang telah saya sebutkan di dalam Dewan ini, Kerajaan dan LPN khususnya memerlukan sejumlah \$900 juta untuk menyediakan keseluruhan infrastruktur-infrastruktur ini yang mana ianya hanya digunakan dalam setakat masa dua atau tiga minggu sahaja. Maka adalah satu perkara yang perlu difikirkan dengan secara mendalam yang Kerajaan terpaksa membelanjakan jumlah wang sebanyak \$900 juta hanya setakat untuk penggunaan dua atau tiga minggu sahaja.

Walaupun bagaimanapun, saya tidak menolak kemungkinan sekiranya ianya sangat-sangat diperlukan dan Kerajaan berada di dalam tahap kemampuannya maka kita boleh menimbangkan untuk menjadikan ianya suatu yang boleh dilaksanakan.

Adalah tidak benar yang pihak Menteri dan Timbalan Menteri tidak sensitif di atas perkara-perkara yang dihadapi oleh petani. Sebenarnya pihak Menteri dan pihak saya sendiri sentiasa memonitor ataupun menghubungi pihak-pihak LPN dalam perkara atau masalah yang dihadapi oleh petani ataupun rakyat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini saya telah pun pergi ke Kedah pada 19hb November baru-baru ini untuk menentukan supaya perkara-perkara yang berlaku tidak berulang lagi dan menentukan segala persiapan-persiapan diadakan untuk menghadapi musim penanaman padi yang akan datang.

Tetapi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya juga meminta kerjasama bukan sahaja daripada petani-petani bahkan daripada badan-badan lain juga yang membantu petani-petani di dalam hal tanaman padi ini, kalau boleh menentukan supaya penanaman-penanaman padi ini diselenggarakan mengikut fasa-fasanya supaya tidaklah ianya tidak menentu. Tanaman padi itu hendaklah dijadualkan dalam masa-masa yang tertentu seberapa yang boleh supaya ianya tidaklah menyebabkan terlalu banyak padi dikeluarkan dalam satu musim. Ini tentulah di luar kemampuan LPN ataupun di luar kemampuan sesiapaupun untuk menyelenggarakaninya sekiranya padi itu dikeluarkan dengan terlalu banyak dalam satu masa.

Selain daripada itu kita amat arif dan maklum iaitu pihak MARDI sentiasa sahaja cuba meningkatkan pengeluaran jenis-jenis padi dan dalam hal ini kita bersyukur di hadrat Allah dan berterima kasih juga kepada MARDI kerana membantu petani-petani dan meningkatkan hasil padi dengan mengeluarkan mutu padi yang baik di samping dapat mengeluarkan serta menambahkan hasil padi daripada satu hektar lebih kurang 2.5 tan sekarang bertambah kepada jumlah yang lebih besar sampai 3 ataupun 6 tan. Jadi, ini menunjukkan dari satu masa ke satu masa, jumlah padi yang dikeluarkan adalah bertambah dan walau apa pun yang dilakukan penambahan peruntukan adalah diperlukan dan kemungkinan kadangkala peruntukan yang dipohon itu tidak dapat diberikan sepenuhnya oleh pihak Kerajaan kepada LPN memandangkan keadaan ekonomi sekarang ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Jawatankuasa*)

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, peruntukan yang dipohon oleh LPN telah banyak dikurangkan sepertimana yang diluluskan oleh Belanjawan baru-baru ini. Dengan sebab demikian banyaklah kompleks-kompleks, termasuklah kompleks yang dicadangkan untuk dibina tidak dapat diteruskan di dalam keadaan ekonomi sekarang ini. Walau bagaimanapun, kita akan cuba menimbangkan semula pembinaan kompleks-kompleks ini sekiranya Kerajaan berkemampuan ataupun ekonomi kita bertambah baik supaya dapat kita melaksanakannya.

Mengenai perkara teksi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerai, kita sebenarnya memberikan permit-permit teksi ini seboleh-bolehnya kepada mereka yang memandu sendiri. Kita tidaklah hendak memberikan peluang-peluang kepada orang-orang yang telah kaya raya untuk mendapat lesen teksi. Ini tidak benar sekali-kali. Sebaliknya, kita memberikan peluang kepada mereka yang telah lama membawa teksi tetapi belum mendapat permit teksi. Dan kita mahu meningkatkan perkhidmatan teksi ini dengan mencadangkan atau menyarankan kepada pengusaha-pengusaha teksi ini yang memandu sendiri teksi-teksi mereka supaya dapat bekerjasama menubuhkan syarikat-syarikat ataupun konsortium supaya dapat mereka meningkatkan perkhidmatan teksi mereka dengan mempunyai perkhidmatan radio, hawa dingin dan sebagainya. Jadi, dengan ini dapatlah keselesaan pengguna-pengguna teksi itu ditingkatkan dari satu masa ke satu masa.

Mengenai permohonan-permohonan teksi yang berkurangan, kita memberikan permit-permit teksi ini berpandukan kepada. . . . .

**Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)**

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Saya ingat biar saya habis dulu. Panjang ini, baru dua orang. Ada lapan orang yang hendak saya jawab. Tidak apalah, lepas ini saya beri peluang, insya Allah, kalau ada masa. Sebab kacau ini saya pun sudah terlupa.

Mengenai teksi-teksi yang diberikan ialah supaya mereka dapat meningkatkan perkhidmatan teksi mereka. Selain daripada itu banyak juga teksi-teksi yang telah diberikan di satu-satu kawasan. Tetapi memandangkan lebih daripada yang diperlukan, kadangkala pengusaha-pengusaha teksi ini sengaja tidak mahu masuk ke kawasan-kawasan di masa "peak hours" ataupun di masa tertentu yang mana kesibukan kenderaan-kenderaan menyebabkan mereka terpaksa tersangkut di dalam keadaan masa yang panjang, panas dan sebagainya, mereka kadangkala sengaja tidak mahu masuk ke dalam kawasan-kawasan yang sedemikian. Sebab itulah kadangkala-kadangkala pengguna-pengguna mendapati kekurangan teksi.

Dalam hal ini kita telah pun meminta kerjasama daripada Kementerian Pengangkutan melalui JPJ dan pihak Polis supaya mengambil tindakan kepada mereka yang sengaja tidak mahu masuk ke kawasan-kawasan seperti yang saya sebutkan tadi.

Walau bagaimanapun, kerjasama daripada orang ramai dan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberitahu kepada pihak Kementerian dan saya sekiranya ada penyelewengan-penyelewengan yang berlaku seperti yang saya sebutkan tadi bolehlah tindakan-tindakan diambil untuk

merampas ataupun menamatkan permit-permit teksi mereka yang terlibat seperti yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)**

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat penjelasan agaknya.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Sila.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih. Tadi Timbalan Menteri yang berkenaan berkata bahawa sejauh yang diketahui oleh beliau bahawa tiada seorang pun yang memiliki lesen teksi lebih daripada satu; iaitu setiap orang memiliki hanya satu lesen teksi sahaja. Adakah ini benar dan adakah ini bermakna bahawa ini adalah merupakan satu dasar pihak Kementerian beliau bahawa ia tidak mengeluarkan lebih daripada satu lesen teksi kepada orang dan kalau ada seorang yang memiliki lebih daripada satu lesen teksi, apakah ini bermakna bahawa pihak Kementerian akan membatalkan permit mereka?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Kemungkinan syarikat-syarikat boleh mempunyai lebih daripada satu lesen teksi iaitu sekiranya kita dapati pemilik teksi yang memandu sendiri dan membuktikan mereka telah pun menjalankan perniagaan mereka dengan baik dan sekiranya mereka dapat mengadakan usahasama secara konsortium ataupun syarikat gabungan dengan pengusaha-pengusaha yang lain dan dengan ini dapat mempertingkatkan perkhidmatan teksi untuk kepentingan orang ramai maka kemungkinan pihak Kementerian boleh menimbangkan bagi mereka mendapatkan lesen lebih daripada satu. Ini untuk kepentingan orang ramai, Tuan Pengerusi, saya. . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud)** Yang Berhormat minta penjelasan lagi?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi saya bermakna kalau seorang individu memiliki lebih daripada satu lesen teksi kerana terdapat bila kita datang ke Dewan, kita sering bercakap dengan pemandu teksi yang kebanyakan penyewa, bukan pemilik dan mengikut mereka, banyak orang individu bukan konsortium yang memiliki lebih daripada satu lesen teksi. Ini kepada seorang biasa yang susah untuk mencari makan, adalah sangat tidak adil. Dan saya harap kalau ada seorang yang memiliki lebih daripada satu lesen teksi, pihak Kementerian boleh membatakannya dan memastikan bahawa yang pemilik lesen itu adalah pemandu dan bukan sebaliknya.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Memang kita akan mengambil tindakan, sekiranya ada.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Rajang membangkitkan perkara sama ada pihak LPPJ boleh menimbangkan untuk mengadakan mini bas atau lainnya di Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sarawak ini adalah berbeza sedikit dengan Semenanjung disebabkan oleh keadaan infrastruktur yang berbeza-beza. Adalah kemungkinan tidak sesuai untuk bas mini yang wujud di Semenanjung ini dibenarkan wujud di Sarawak disebabkan kerana kemungkinan ianya tidak ekonomik, tidak viable dan mungkin tidak boleh mencapai matlamat yang dimaksudkan disebabkan oleh kerana jalan-jalan yang berbeza dengan jalan-jalan di Semenanjung. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian akan menimbangkan lesen-lesen teksi

ataupun lesen C-20 dan sebagainya yang boleh difikirkan sesuai untuk kegunaan orang ramai. Setakat ini kita belum lagi mempunyai polisi ke tahap ini. Walau bagaimanapun pihak Kementerian bersedia untuk menimbangkan demi untuk kepentingan rakyat. Dan kalau mungkin ia tidak boleh dipanggil bas ataupun teksi ataupun lori, mungkin kita boleh panggil dia sebagai lori bas, mungkin "lobas" ataupun nama-nama lain yang sesuai.

Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam membangkitkan perkara Lembaga Rayuan LPPJ sama ada ianya perlu diteruskan atau tidak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Rayuan ini ialah kuasa mutlak Menteri. Ini bermakna sekiranya ada permohonan-permohonan yang perlu dipertimbangkan semula setelah ditolak oleh Lembaga maka adalah adil sebagai check dan balance, dengan izin, ianya wujud kerana inilah sahaja yang dapat keadilan diwujudkan. Kerana kemungkinan disebabkan oleh kita semua adalah manusia, sekiranya permohonan-permohonan yang dibuat itu tidak diluluskan oleh pihak Lembaga Temuduga itu, maka sebenarnya ia boleh dipertimbangkan dan ianya layak untuk merayu kepada Lembaga Perayuan. Dan inilah tugas dan tanggungjawab Lembaga Perayuan ini yang sepenuhnya adalah menjadi kuasa Menteri yang berkenaan.

Harga-harga rumah PKEN telah pun diturunkan dari masa ke semasa. Dan harga rumah tidak boleh diteruskan turun kerana ianya bergantung kepada kos pembinaan, kos tanah, kos yang lain-lain lagi. Sekiranya ia diteruskan turun, maka kemungkinan ia tidak lagi menjadi satu perkara yang viable untuk perusahaan ini diteruskan. Walau bagaimanapun pihak Kementerian

sentiasa menyarankan kepada pihak-pihak PKEN supaya menimbangkan semula harga-harga rumah ini supaya ianya bersesuaian dengan keadaan sekarang. Walaupun dalam keadaan-keadaan tertentu harga-harga rumah itu dijual dengan harga yang rugi disebabkan kemungkinan ianya tidak laku, tetapi ianya tidak boleh dijual dengan harga yang terlalu rugi, kerana ini boleh menyebabkan keadaan pasaran rumah keseluruhannya menjadi kelam-kabut. Oleh sebab itu kita terpaksa juga memikirkan hal-hal pasaran rumah di dalam perkiraan untuk menurun harga-harga rumah.

Mengenai LPN, negara tidak bercadang untuk menjadikan negara ini pengusaha padi dan beras 100% kerana ini tidak mungkin. Pertamanya adalah didapati harga-harga padi di luar negara kita seperti di negeri Thailand, Filipina, Indonesia dan di negara-negara lain boleh mengeluarkan padi dan beras dengan harga yang lebih murah. Jadi, adalah satu perkara yang menguntungkan negara sekiranya kita juga membawa masuk beras-beras yang murah ini supaya dengan ini ia dapat membantu membayar harga-harga padi yang tinggi di negara kita. Sebenarnya harga-harga beras yang kita import daripada luar itu murah dan kita dapat menjualkan dengan lebih untung sedikit dan keuntungan inilah juga yang dapat membantu Kerajaan membayar subsidi-subsidi yang kalau tidak, mungkin lebih besar daripada jumlah yang diperuntukkan di dalam Belanjawan kita.

Saya suka menyentuh mengenai Pejabat-pejabat LPN yang sepatutnya wujud di tempat-tempat padi seperti di Kedah dan sebagainya. Tetapi padi bukanlah sahaja ada di Kedah, ianya ada di Kelantan, orang Kelantan akan meminta pula Pejabat LPN pindah di Kelantan dan mungkin orang Selangor pun juga berkata ia sepatutnya berada

di Selangor dan sebagainya, tetapi disebabkan ianya bukan sahaja melibatkan penanaman padi tetapi juga pembelian, pengurusan dan sebagainya maka kita memikirkan adalah sesuai yang Pejabat LPN ini wujud di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun kita mengadakan di setiap tempat khususnya di negeri Kedah dan Perlis sebuah pejabat cawangan yang besar, yang paling besar sekali kita wujudkan di Kedah dan Perlis. Ini saya percaya adalah sesuai kerana zaman moden ini, segala-galanya perhubungan boleh dibuat dengan serta-merta melalui telefon, telex dan sebagainya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pihak Pengurusan LPN sentiasa diarahkan untuk melawat kawasan-kawasan yang di luar daripada Kuala Lumpur untuk mengenali masalah-masalah ini. Adalah tidak benar pihak Menteri dan Timbalan Menteri ataupun lain-lain pegawai tinggi tidak mempunyai sensitif di atas segala masalah-masalah kerana kita selalu melawat LPN. Sebenarnya saya selalu melawat LPN apabila keluar daripada Kementerian, bahkan hari pertama saya menjadi Timbalan Menteri, saya melawat kawasan LPN, kawasan padi.

Tuan Pengerusi, mengenai ruang-ruang kosong dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam. Ruang-ruang kosong Pejabat UDA memang masih lagi ada tetapi ini bukan sahaja UDA yang terlibat bahkan badan agensi-agensi lain, pihak swasta pun sama juga terlibat, kerana ianya dalam keadaan sekarang memang tidak boleh dielakkan, memang kosong kerana tidak ada peniaga-peniaga yang mahukan pejabat-pejabat. Tetapi kalau keadaan ekonomi kita bertambah baik, sudah tentulah pejabat-pejabat baru akan dibuka, syarikat-syarikat baru akan wujud dan tumbuh dan sudah semestilah mereka akan memerlukan ruang-ruang pejabat dan

saya percaya ruang-ruang pejabat di bangunan-bangunan UDA pun akan juga dipenuhi.

Mengenai Bank Pembangunan Malaysia Berhad, memang pihak pekerja-pekerja adalah dilantik dan dipilih dari mereka yang berkemampuan, pengalaman dan mempunyai kelayakan-kelayakan yang tertentu. Tetapi untuk menentukan supaya usahawan-usahawan bumiputera wujud dengan seberapa banyaknya, ini bergantung kepada bumiputera itu sendiri. Bagi pihak Bank Pembangunan dan agensi-agensi yang lain sentiasa menyediakan berbagai-bagai saranan dan projek termasuklah sebuah projek yang kita panggil kilang bimbingan. Dan kita juga membuat berbagai-bagai bimbingan dan bantuan kepada mereka yang berminat untuk meningkat maju. Dalam hal ini, saya tidak ada jumlah yang sebenar bumiputera yang telah pun kita bantu dan berjaya. Tetapi suka saya menyatakan bahawa banyak yang telah dapat dimajukan dan telah meningkat maju usaha-usaha melalui Bank Pembangunan dan agensi-agensi yang lain.

Mengenai bangunan bank yang baru ini, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, urusan membayarnya adalah diasaskan daripada penjualan satu daripada blok bangunan yang baru dibina itu. Bangunan baru itu ada dua blok. Satu blok dijual untuk membiayai keseluruhan perbelanjaan membina bangunan Bank Malaysia Berhad yang baru ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang ada mencadangkan supaya kita mengkaji Undang-undang Pengangkutan Jalan khususnya Bab Kelima. Saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu Rang Undang-undang ini sedang dikaji dan sepatutnya dapat dibawa ke Parlimen di persidangan pada penggal

ini, tetapi disebabkan oleh suatu perkara yang tidak dapat dielakkan, kerana ianya bersangkutan dengan juga Rang Undang-undang yang patut dibawa oleh Kementerian Pengangkutan, maka kita terpaksa menanggung dan membawa Rang Undang-undang ini di sidang Parlimen yang akan datang.

Mengenai menghapuskan had kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya ini, saya akan mengkaji cadangan Ahli Yang Berhormat dan mengenai menghapuskan pembekuan kawasan-kawasan yang saya sebutkan semasa soal-jawab tadi, suka saya maklumkan ianya bersandarkan kepada kajian-kajian yang telah dibuat oleh pihak Kementerian dan LPPJ. Kalaulah kita wujudkan terus tambahan-tambahan lesen-lesen teksi ini ia mungkin menyebabkan kesesakan bukan sahaja jalan raya dengan teksi-teksi yang begitu banyak, tetapi menyebabkan satu kerumitan kepada pengusaha-pengusaha itu sendiri, kerana mereka mungkin tidak cukup makan seperti yang berlaku kepada pengusaha teksi di Pengkalan Sultan Abdul Halim di Seberang Perai.

Kita tidak dapatlah mengikut hanya pandangan kasar sahaja, di luar sahaja, tetapi ia perlulah kajian dan dalam kajian yang baru sahaja selesai kita buat, kita dapati di kawasan Kuala Lumpur, di Wilayah Persekutuan ini terlalu banyak teksi. Walaupun kita tidak bercadang menambah teksi-teksinya, kita sentiasa akan mengkaji dari satu masa ke satu masa keperluan yang telah diwujudkan. . . . .

**Tuan Lee Lam Thye:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Ya.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa Kementerian beliau tidak bercadang buat sementara untuk menghapuskan pembekuan ke atas permohonan untuk mendapatkan permit teksi di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Di sini saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, sama ada beliau sedar bahawa buat masa ini bilangan pelawat ataupun bilangan pelancong yang melawat di ibu negara kita telah bertambah. Di samping itu terdapat ramai pemandu-pemandu teksi yang telah memandu teksi selama 10 tahun ke atas dan benar-benar bergantung kepada memandu teksi untuk mencari nafkah. Jadi saya hendak bertanya sama ada Kementerian yang berkenaan bercadang untuk menghapuskan pembekuan ini dengan seberapa segera.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Pengerusi, cara menambah kemudahan-kemudahan ini bukan sahaja melalui teksi, tetapi ia boleh juga dibuat melalui lain-lain cara, misalnya kemungkinan Kerajaan bercadang untuk mengadakan light rail transport system dan sebagainya, kerana kalaulah kita tambah teksi-teksi sahaja, ini menyebabkan lalulintas di dalam kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya menjadi begitu padat dan sibuk, ini mungkin menyulitkan pula orang ramai, jadi kemungkinan kita menambah teksi itu setakat ini belum.

Kita akan memikirkan cara-cara lain, misalnya kemungkinan menambah mini bas di kawasan-kawasan yang penduduk-penduduknya bertambah seperti kawasan-kawasan perumahan baru dan sebagainya, itu kita boleh pertimbangkan ataupun menambah bas-bas dan sebagainya.

Selain daripada itu kita juga berkemungkinan mencadangkan supaya di masa-masa yang akan datang, teksi-teksi ini bukan lagi terhad kepada 4 orang penumpang, mungkin kita boleh timbangkan ianya dihadkan kepada 6 ataupun 8 orang penumpang dan sebagainya, iaitu menggunakan teksi yang lebih besar daripada sekarang, tetapi kecil sedikit daripada mini bas supaya ianya bolehlah membantu menyelesaikan kekurangan kenderaan tetapi tidak melibatkan atau menyulitkan keadaan jalan raya di kawasan-kawasan yang saya sebutkan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap ada membangkitkan mengenai perkara menyusun semula polisi-polisi LPN. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita bukan sahaja memberikan lesen kepada mereka yang mahu membuat kilang-kilang padi ataupun pemborong-pemborong beras, tetapi kita bersedia juga memberikan lesen-lesen kepada mereka yang sanggup mengeluarkan mee hoon, tepung beras dan lain-lain lagi hasil daripada padi dan beras dan kita bersedia membantu mereka untuk mendapatkan lesen dan juga memberikan tunjuk ajar kepada mereka yang berminat dalam hal ini. Tetapi untuk mengatakan yang kita tidak pernah menyusun semula polisi-polisi LPN, ini adalah tidak benar, kerana kita sentiasa menyemak dan mengkaji polisi-polisi LPN, sebab itulah kita dapat mempertingkatkan perkhidmatan LPN. Walaupun apa perkataan Yang Berhormat seolah-olah LPN ini makin bertambah mundur, tetapi kalaulah LPN ini bertambah mundur, kenapa pula ada suara-suara daripada Yang Berhormat mengatakan jangan diswastakan sepenuhnya LPN, kalau-kalau pula nanti petani-petani teraniaya. Jadi seolah-olah Ahli Yang Berhormat ini kontradik pendapatnya, ada yang kata kalau hendak swastakan LPN bolehlah, tetapi ada juga yang kata jangan

swastakan LPN nanti menyulitkan petani-petani.

Sebenarnya peranan LPN begitu rumit, ianya terpaksa memperseimbangkan kepentingan petani, kepentingan orang ramai, kepentingan pengguna, pembeli beras dan sebagainya, dengan sebab demikianlah saya berpendapat LPN akan terus berusaha untuk mempertingkatkan khidmat LPN dan saya percaya pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat sekalian adalah di dalam perhatian LPN dan saya sendiri.

Mengenai LPPJ yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah tidak benar, dahulu tidak tahulah, sekarang ini pembaharuan lesen menunggu begitu lama. Sebenarnya pihak Kementerian telah pun mengarahkan kepada LPPJ untuk membenarkan pembaharuan lesen-lesen, untuk menggunakan permit sementara dengan tidak payah tunggu berbulan-bulan, serta-merta dia boleh mendapatkan permit pembaharuan itu, dengan menggunakan permit sementara dan adalah tidak timbul masalah menunggu begitu lama.

Selain daripada itu, sukalah saya mengingatkan kepada pengusaha-pengusaha kenderaan ini, yang LPPJ membenarkan mereka memperbaharui lesen-lesen mereka 6 bulan sebelum tamat permit-permit mereka, tetapi malangnya pengusaha-pengusaha ini menunggu sehingga tamat permit itu baru hendak baharui, walhal kita beri masa 6 bulan untuk mereka memperbaharui. Kenapa hendak tunggu sampai habis tempoh, ini masalahnya, kalau kita sebenarnya berusaha dan berminat untuk meningkatkan diri kita sendiri perlulah kita mementingkan juga keperluan kita, di samping menggunakan kemudahan yang telah disediakan oleh pihak Kementerian. Maka oleh sebab itu saya menyerulah

kepada mereka ini supaya menyedari akan wujudnya perkara 6 bulan ini dan bolehlah mereka memperbaharui permit-permit mereka itu sebelum tamatnya tempoh permit mereka itu.

Mengenai permit-permit teksi yang sepatutnya wujud di kawasan-kawasan luar bandar tetapi tidak wujud kerana tidak cukup, perlulah saya mengatakan di sini pihak Kementerian mengharapkan kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya memberikan nasihat ataupun jumlah-jumlah teksi-teksi yang diperlukan di tiap-tiap kawasan di negeri-negeri mereka. Saya bagi pihak Kementerian telah pun meminta kerjasama daripada Kerajaan Negeri supaya Jawatankuasa Kenderaan Negeri itu bermesyuarat dan memberikan nasihat kepada kita mengenai jumlah-jumlah teksi-teksi yang diperlukan mengikut pengkalan-pengkalan.

Tetapi malangnya banyak lagi Kerajaan-kerajaan Negeri yang belum lagi mengadakan mesyuarat jawatankuasa ini yang menyebabkan pihak LPPJ dan Kementerian tidak mendapat nasihat-nasihat mengenai jumlah lesen-lesen yang diperlukan ataupun yang patut ditambah, kerana pihak LPPJ menjadi luar kemampuan mereka untuk mendapat kepastian pengkalan-pengkalan baru yang perlu diwujudkan kerana kita tidaklah begitu arif mengenai geography tiap-tiap negeri tetapi adalah sesuai bagi pihak Kerajaan Negeri dan Pejabat Daerah memberikan jumlah pengkalan-pengkalan baru yang perlu diwujudkan, jumlah permit-permit yang perlu dicadangkan dan saya menyarankan supaya pihak Kerajaan Negeri dapatlah bekerjasama dengan pihak Kementerian untuk memberikan nasihat-nasihat ini. Saya percaya sekiranya benar di Lubok Merbau tidak cukup teksi, orang-orang yang perlu mendapat teksi yang mempunyai PSB itu bolehlah membuat permohonan kepada

Kementerian saya dan sekiranya benar kita boleh mempertimbang dan meluluskannya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, boleh tolong ringkaskan sedikit. Panjang sangat, ini sudah 40 minit.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Sudah hendak habis, Tuan Pengerusi.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah pun membangkitkan mengenai subsidi itu dibayar supaya ianya lebih menguntungkan pihak-pihak yang miskin. Ini adalah susah kerana kalau orang yang membuat ladang kecil tentu dapat jumlah padi yang sedikit tetapi subsidi yang dibayar itu ialah pada jumlah padi yang dikeluarkan. Walau bagaimanapun, kita memang bersedia untuk membayar subsidi ini kepada petani-petani yang mengeluarkan padi yang banyak dengan cara mereka mengusahakan kawasan yang lebih luas ataupun menyewa kawasan-kawasan yang sekarang ini kosong ataupun tanah terbiar dan sebagainya, tetapi ini adalah di luar daripada kuasa Kementerian saya. Saya menyarankan juga Kementerian-kementerian lain atau agensi-agensi lain termasuk Kerajaan Negeri bolehlah memikirkan saranan ini dan bagi pihak Kementerian akan memberikan kerjasama yang sepenuh-penuhnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan perkara Perak Anjong iaitu sebuah anak syarikat SEDC bersama-sama dengan pihak swasta. Pihak Kementerian memang sedar perkara ini dan sedang menyasat dan pihak Ahli Yang Berhormat bolehlah berhubung dengan saya untuk mendapatkan maklumat yang lebih daripada ini.

Mengenai rasuah dan perkara-perkara yang lain yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya

sukalah menyatakan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kalaulah ada bukti penyelewengan, kalaulah ada bukti rasuah, janganlah cagak sahaja di Dewan yang mulia ini; bawalah contoh-contoh, dalil-dalil, dia punya reasons termasuklah penyelewengan subsidi padi kepada saya dan saya tidak akan melindungi sesiapa dan saya mengambil tindakan yang sewajib dan sepenuhnya kepada mereka yang menyeleweng dan rasuah. Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$263,893,400 untuk Maksud B.33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$263,893,400 untuk Maksud B.33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$135,210,000 yang disebutkan dalam Maksud P.33 dalam Anggaran Pembangunan, 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$135,210,000 untuk Maksud P.33 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1987.

*Maksud B.34 (Jadual 1)—*

*Maksud P.34 (Anggaran Pembangunan 1987)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kepala Bekalan B.34 dan Kepala Pembangunan P.34

di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.26 ptg.

**Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan untuk membahaskan di bawah Jawatankuasa ini dan saya ingin merujuk kepada muka surat 167, Maksud Pembangunan, Butiran 00200, Program Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, memang didapati bahawa program ataupun aktiviti di bawah Butiran 00200 ini adalah satu program yang baik di mana ianya memberi manfaat kepada masyarakat kampung ataupun penduduk-penduduk luar bandar yang perlu dibaiki taraf hidup mereka terutamanya dari segi kesihatan awam. Program ini telah dilaksanakan dan telah diperuntukkan sebegitu besar seperti yang telah tertera di dalam peruntukan sejumlah \$38.049 juta. Saya rasa dan saya yakin sebahagian daripada peruntukan yang besar itu adalah untuk memperbaiki taraf kehidupan tadi melalui projek pembekalan air bersih dan bersih dan juga tandas curah di kampung-kampung dan di luar bandar.

Masalahnya ialah kita masih melihat di kampung-kampung dan di luar-luar bandar keadaan yang tidak sepatutnya berlaku sudah sekian lama kita mencapai kemerdekaan di mana masih terdapat kampung-kampung yang tidak mempunyai bekalan air bersih dan juga tandas curah di mana sebuah negara yang sedang membangun ataupun yang sedang mencapai taraf kemajuan sepatutnya masyarakat kampung kita pada hari ini memiliki ataupun mempunyai tandas untuk tempat mereka membuang najis.

Dalam hal ini, saya tertarik dengan projek yang sedang dilancarkan oleh Kementerian Kesihatan khususnya melalui Pejabat Kesihatan atau lebih khusus melalui program kesihatan awam. Saya rasa kempen secara agresif ataupun secara sungguh-sungguh patut dibuat kepada masyarakat kampung tentang penggunaan tandas curah dan penggunaan air bersih. Saya difahamkan untuk membekalkan tandas curah ataupun air bersih perlu kepada satu kelompok masyarakat kampung yang bersetuju melaksanakan rancangan itu. Tetapi seperti yang kita faham sikap masyarakat kampung itu perlu perubahan daripada pihak kita sendiri terutamanya pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk meyakinkan mereka mesti menggunakan tandas curah dan air bersih. Perkara ini nampaknya tidak begitu berkesan kerana saya yakin sikap masyarakat kampung itu sendiri yang saya rasa perlu diperbaiki oleh pegawai-pegawai kesihatan ataupun pengawas kesihatan umum yang perlu memberi penerangan secara bersungguh-sungguh atau agresif melalui JKK ataupun kumpulan-kumpulan masyarakat di kampung-kampung tertentu.

Hal ini juga dapat diperbaiki barangkali dengan menyesuaikan pembekalan tandas curah dan alat-alat yang boleh memperlengkapkan untuk menyiapkan sebuah tandas bagi sebuah rumah di kampung-kampung. Kita dapati sekarang kadang-kadang ada mangkuk tempat membuang najis yang dibekalkan oleh Pejabat Kesihatan itu tersadai ataupun tidak digunakan setelah dibekalkan oleh pihak Jabatan Kesihatan kerana tidak cukup simen dan bahan-bahan lain untuk membuat tempat duduk dan saya rasa perkara ini perlu dilengkapi serentak untuk menjamin tandas yang dibuat itu boleh

disiap dan kalau pun dibekalkan tidak melibatkan kewangan yang banyak.

Perkara ini saya sentuh kerana implikasinya telah berlaku dan saya meminta Kementerian Kesihatan ataupun Pejabat Kesihatan mengambil tindakan ataupun penyiasatan kepada satu wabak yang sedang berlaku di kawasan Parlimen saya sendiri di Kampung Dalam Pondok Panglima Bayu, Tanah Merah, Kelantan iaitu penyakit demam kuning ataupun yellow fever yang difahamkan berpunca daripada pembuangan najis oleh masyarakat di dalam Kampung Pondok Panglima Bayu itu yang tidak mengikut cara-cara nasihat daripada pegawai kesihatan. Dan saya difahamkan pihak Pejabat Kesihatan Tanah Merah sedang mengambil tindakan sewajarnya kepada. . . .

**Dato' K. Pathmanaban:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak minta penjelasan.

**Tuan Hashim bin Safin:** Boleh.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Pengerusi, adakah ini demam kuning atau jaundice? Demam kuning atau yellow fever itu tidak ada di Malaysia.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Pengerusi, saya tersilap. Jaundice, sepertimana dibetulkan oleh saudara Yang Berhormat dari Mas Gading, seorang doktor.

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Penjelasan dari mana?

**Dr Eng Seng Chai:** Penjelasan mengenai "jaundice". Sebagai seorang doktor, saya boleh kata bahawa "jaundice" bukanlah satu

penyakit tetapi iaitu satu tanda penyakit. Saya fikir Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak betul. Barangkali ialah "hepatitis" dia bermaksud, bukan "jaundice". Jaundice ialah satu tanda penyakit.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Pengerusi. . . .

**Dato' K. Pathmanaban:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti, Timbalan Menteri hendak minta penjelasan.

**Tuan Hashim bin Safin:** Bolehlah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' K. Pathmanaban:** Saya mengatakan mengenai yellow fever, Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya nampaknya hendak buat pandai sahaja. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Pengerusi, sama ada ianya jaundice ataupun hepatitis tetapi penyakit itu berpunca daripada pembuangan najis yang dibuang merata-rata kerana tidak ada mangkuk. Dan di sini saya suka menerangkan bahawa pihak Kementerian Kesihatan memang memperuntukkan dan bekalan itu boleh didapati, cuma sambutan daripada masyarakat kampung yang perlu diberi penerangan secara agresif dan bersungguh-sungguh untuk menjamin tandas-tandas curah ini dapat diadakan di setiap rumah.

Tuan Pengerusi, perkara seterusnya mengenai Butiran 03300 iaitu Program ataupun Aktiviti Memperbaiki Kemudahan-kemudahan Kesihatan. Di sini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk dua buah projek di kawasan

Parlimen Tanah Merah iaitu di kawasan saya sendiri. Yang pertamanya ialah projek PKK Batu Gajah ataupun Pusat Kesihatan Kesil Batu Gajah yang telah terbakar lebih kurang lima tahun yang lepas. Pusat ini telah diperbaiki secara sementara melalui peruntukan kecil Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan—kebetulan kawasan itu Dewan Undangan Negeri Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, tetapi keadaannya masih belum betul-betul sempurna. Saya ingin mendapat tahu dan menarik perhatian khusus daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menarik sebahagian daripada peruntukan yang begitu besar iaitu Memperbaiki Kemudahan-kemudahan Kesihatan Luar Bandar ini untuk membina ataupun menyempurnakan bangunan terbakar itu.

Tuan Pengerusi, perkara kedua ialah PKK Jeli yang tergendala pembinaannya sejak dua kali pilihanraya dan bangunan ini sekarang sudah diselaputi oleh semak samun dan tumbuhan yang sudah semakin membesar yang juga perlu kepada perhatian yang khusus di bawah Program Kemudahan-kemudahan Kesihatan ini kerana di pekan Jeli yang juga di kawasan Tanah Merah, satu bandar baru sedang berkembang yang memerlukan kemudahan kesihatan kepada penduduk-penduduk luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah di kesempatan ini saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian Kesihatan khususnya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud)** Ahli Yang Berhormat dari Kampar.

5.55 ptg.

**Tuan Ngoi Thiam Woh (Kampar):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 163, Butiran 010000.

Semasa membentangkan Belanjawan 1987, Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa yuran dan pembayaran rawatan pesakit luar termasuk ubat dan rawatan hospital akan dikenakan atau dinaikkan. Kita semua sedar golongan yang amat memerlukan perkhidmatan kesihatan awam adalah golongan miskin, baik di bandar ataupun di luar bandar. Golongan ini merupakan 40% rakyat negara kita yang berpendapatan kurang dari \$450 seisi rumah sebulan. Langkah Kerajaan mengenakan atau menaikkan yuran dan pembayaran rawatan pesakit luar, ubat dan rawatan hospital adalah tidak wajar serta membebankan rakyat lebih-lebih lagi dalam masa kemelesetan ekonomi yang buruk ini.

Tuan Pengerusi, saya menyeru Kerajaan menarik balik cadangan itu dan terus memberi perkhidmatan kesihatan percuma kepada rakyat jelata. Rakyat jelata sihat dan segar barulah produktivitiya dapat dipertingkatkan dan akhirnya ia memanfaatkan negara, takkan Kerajaan tidak faham dengan logic yang simple ini, dengan izin.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud P.34, Butiran 00200, muka surat 167, Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar.

Negara kita akan menjejak ke tahun 30 kemerdekaan tetapi pengagihan perkhidmatan kesihatan yang saksama di luar bandar masih belum dicapai. Keadaan ini amat menyedihkan. Namun Kerajaan senantiasa menonjol-nonjolkan dan berbangga atas pencapaian pembekalan perkhidmatan kesihatan yang moden di beberapa bandar, tetapi adakah kita patut berasa bangga, sebab beberapa bandar sahaja yang mempunyai perkhidmatan kesihatan yang moden sedangkan kebanyakan rakyat di luar bandar menderita.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjanji untuk membina sebuah poliklinik di Kampung Baru Mambang Di Awam di kawasan saya Kampar. Semasa beliau melawat ke tempat itu pada hari menjelang Pilihanraya 1986, saya menggesa Kerajaan supaya menunaikan janji yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan segera. Walaupun Kampung Baru Mambang Di Awam adalah sebuah kampung baru yang besar tetapi Kerajaan belum membekalkan sebarang kemudahan untuk menjaga kesihatan penduduk-penduduk di tempat tersebut. Sebagai sebahagian program pengagihan perkhidmatan kesihatan yang saksama di luar bandar, projek ini adalah wajar dan kena pada tempatnya.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 163, Butiran 010000 di bawah Program 010100, saya sedar bahawa health care financing, dengan izin, merupakan satu masalah yang rumit dihadapi oleh Kerajaan tetapi membekalkan perkhidmatan kesihatan yang sempurna adalah kewajipan Kerajaan dan harus diberi keutamaan walaupun betapa beratnya tanggungjawab ini. Kerajaan harus menggubal satu Skim Insurans Kesihatan Nasional atau, dengan izin, National Health Care Insurance Scheme, untuk membiayai perbelanjaan kesihatan rakyat, supaya masalah health care financing dapat diatasi.

Saya mencadangkan Kerajaan mewujudkan satu National Health Care Insurance Scheme dengan menggunakan wang SOCSO atau KWSP.

Tuan Pengerusi, secara purata SOCSO telah memungut \$40 setahun daripada setiap pekerja dan jumlah bilangan pekerja negara kita adalah lebih kurang 2.5 juta. Pembayaran daripada SOCSO kepada pekerja-pekerja yang menimpa malapetaka

adalah amat rendah sekali dan kini SOCSO telah dapat mengumpul wang yang terlalu banyak. Gambaran ini jelas menunjukkan bahawa satu National Health Care Insurance Scheme, dengan izin, boleh diwujudkan melalui SOCSO dan masalah health care financing dapat diselesaikan. Dalam skim ini setiap pembayaran untuk rawatan perubatan yang diberi kepada setiap pekerja yang mencarum kepada KWSP atau dilindungi oleh SOCSO hendaklah dibuat oleh KWSP atau SOCSO dan ini termasuk rawatan yang diberi oleh pegawai-pegawai dan pakar-pakar perubatan hospital atau klinik swasta.

Tuan Pengerusi, suka saya merujuk kepada muka surat 164, Butiran 030000 Program 030100. Tuan Pengerusi, bilangan pesakit dewasa di hospital seluruh negara telah meningkat lebih daripada 1.1 juta, manakala pesakit luar melebihi 11 juta setiap tahun, tetapi hanya terdapat lebih kurang 3,000 orang doktor yang memberikan perkhidmatan kepada lebih daripada 12 juta pesakit dalam hospital dan pesakit di luar hospital. Dengan yang demikian, maka timbullah masalah pesakit menghabiskan masa berjam-jam menunggu untuk mendapat rawatan yang dijangka beberapa minit sahaja.

Selain daripada membuang masa menunggu, pesakit juga tidak dapat layanan yang mesra serta memuaskan. Masalah ini telah timbul oleh kerana sikap kurang bertimbang rasa setengah-setengah kakitangan tertentu, tetapi punca utamanya adalah tekanan kerja ke atas doktor-doktor, jururawat-jururawat serta kakitangan-kakitangan yang lain yang bilangannya berkurangan. Kerajaan harus mengatasi masalah ini. Dengan hanya bergantung kepada undang-undang mewajibkan doktor-doktor berkhidmat di hospital-hospital atau klinik-klinik Kerajaan, tidak menyelesaikan masalah ini. Untuk

menyelesaikan masalah ini, saya mencadangkan bahawa:

- (1) Kerajaan membenarkan pengamal perubatan swasta berkhidmat di hospital atau klinik Kerajaan separuh masa dan juga membenarkan pegawai perubatan Kerajaan mengamal profesion mereka di luar hospital atau klinik dalam masa kelepasan mereka. Dengan cara ini pengamal-pengamal perubatan dapat memperbaiki pendapatan mereka di samping berkhidmat di hospital atau klinik Kerajaan. Dengan cara ini juga nisbah doktor dengan pesakit dapat diperbaiki dan mutu rawatan juga dapat dipertingkatkan. Amalan ini juga ada dijalankan di beberapa negara seperti di Indonesia dan India.
- (2) Mewujudkan lebih banyak peluang kepada para pegawai perubatan Kerajaan melanjutkan pelajaran serta latihan masing-masing.
- (3) Memperbaiki keadaan emolumen mereka.
- (4) Meng'assure'kan bahawa peluang untuk naik pangkat akan diberi dengan adil dan saksama tanpa mengira kaum dan pilih kasih.

Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada muka surat 163, Butiran 020100—Kesihatan Diri. Tuan Pengerusi, tidak kurang daripada 400 kanak-kanak di negara kita terkorban setiap tahun kerana penyakit "Gastro-enteritis". Pesakit yang mengidap penyakit ini merupakan golongan pesakit yang ketiga ramainya yang dirawat dalam hospital. Masalah bekalan air tidak bersih, sistem "sanitary" dengan izin, ataupun kebersihan alam sekeliling yang buruk adalah punca penyakit itu. Keadaan kebersihan alam sekeliling yang buruk

ini wujud di luar bandar seperti di kampung-kampung baru, kampung-kampung tradisi serta kawasan-kawasan setinggian di bandar-bandar. Kekurangan klinik di kawasan tersebut, kekurangan pegawai-pegawai perubatan serta kekurangan kakitangan para-medic yang ditempatkan di kawasan tersebut untuk memberi nasihat dan pendidikan yang cukup serta rawatan di peringkat awal adalah unsur-unsur yang mengakibatkan kematian yang sedemikian ramai ini. Membekalkan air yang bersih dan menyediakan skim bantuan untuk rakyat miskin di kawasan-kawasan tersebut supaya sistem "sanitary" serta tandas-tandas yang sempurna dapat diwajibkan di semua kawasan luar bandar supaya dapat kita mencegah penyakit ini dan menyelamatkan nyawa.

Tuan Pengerusi, sekarang saya merujuk kepada Butiran 020000, Program 020200, muka surat 163. Tuan Pengerusi, nampaknya pihak Kerajaan telah melalaikan sahaja kesihatan dalam bidang dan tempat kerja. Keadaan kesihatan cara kerja seolah-olah tidak termasuk di bawah pengawalan Kementerian Kesihatan.

Tuan Pengerusi, saya sedar bahawa bidang ini melibatkan berbagai agensi dan jabatan, tetapi pihak Kementerian Kesihatan wajib memikul tanggungjawab yang ulung untuk memastikan bahawa kesihatan para pekerja serta orang awam tidak terancam dari segi fizikal, mental dan sosial oleh alam sekeliling tempat pekerjaan. Oleh sebab sikap "tidak apa" Kementerian Kesihatan, maka terdapatlah hampir semua kilang, bengkel, lombong dan lain-lain tempat pekerjaan terus melalaikan kesihatan cara kerja yang mengakibatkan banyak kemautan dan kecederaan. Keadaan kesihatan cara kerja di negara kita amat buruk.

Kerajaan harus mengambil tindakan memperbaiki keadaan ini dan mengawal dengan ketat semua tempat-tempat pekerjaan supaya kesihatan para pekerja serta orang awam dapat diperlindungi. Janganlah hanya mula mengambil tindakan selepas berlakunya malapetaka yang buruk.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat ada satu minit lagi.

**Tuan Ngoh Thiam Woh:** Saya menggulung. Kecelakaan Bhopal di India telah mengorbankan sebanyak 3,000 orang dan mencederakan 100,000 orang adalah contoh yang patut kita ingati. Kerajaan harus melatih lebih banyak anak-anak kita dan melengkapkan mereka dengan pengetahuan supaya berupaya melaksanakan tugas untuk melindungi kesihatan para pekerja serta orang awam.

Tuan Pengerusi, di dalam negara kita terdapat kilang-kilang yang menggunakan bahan-bahan yang toxic atau mengeluarkan sisa-sisa yang toxic. Sisa-sisa yang berbentuk gas, sinaran dan abu bukan sahaja membahayakan pekerja-pekerja tetapi juga mengancam kesihatan penduduk-penduduk di sekitarnya.

Satu contoh yang jelas menunjukkan sikap kelalaian Kementerian Kesihatan terhadap kesihatan cara kerja adalah dalam kes Asian Rare Earth Sdn Bhd di Bukit Merah.

Tuan Pengerusi, sudah tibalah masanya pihak Kementerian Kesihatan menubuhkan satu Jawatankuasa dan pasukan-pasukan penyiasat yang terlatih yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang, dengan izin, occupational health dan safety, supaya kesihatan para pekerja dan orang ramai terjamin.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Jempol.

6.08 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus (Jempol):** Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada muka surat 167, Maksud Pembangunan P.34, Butiran 00200 dan 00300 sekali, sebab benda ini ada kait mengait.

Tuan Pengerusi, pertama sekali saya suka menyatakan iaitu untuk mengatakan kononnya agihan tentang kemudahan kesihatan di luar bandar tidak adil dan rakyat di luar bandar itu menderita adalah tidak benar seperti mana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kampar sebentar tadi.

Tuan Pengerusi, saya datang dari kawasan luar bandar dan maklum tentang keadaan dan suasana yang menyelubungi masyarakat yang ada di desa-desa dan di kampung-kampung dan pada pandangan saya apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari Kampar sebentar tadi adalah tidak patut dan sepatutnya beliau berhati-hati apabila hendak melemparkan satu-satu pandangan yang begitu umum kepada Kerajaan. Kalau kita perhatikan dalam tempoh hampir 30 tahun kita merdeka, masyarakat di luar bandar tahu tentang kemudahan-kemudahan yang ada di kawasan-kawasan tersebut. Saya perhatikan Yang Berhormat dari Kampar juga telah melemparkan lagi satu tuduhan yang sungguh tidak tepat apabila beliau menyebut tentang soal yuran dan pembayaran untuk rawatan pesakit luar sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, apabila beliau meminta supaya golongan yang berpendapatan rendah itu jangan dikenakan bayaran.

Sebenarnya, di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan, kalau Yang Berhormat ada teliti dengan

cermat di muka 17, jelas mengatakan iaitu golongan yang berpendapatan rendah akan terus diberi rawatan percuma. Ini bermakna Yang Berhormat dari Kampar sengaja cuba apa yang saya katakan selalu mendapatkan keuntungan politik daripada tiap-tiap kenyataan (*Tepuk*) dan perkataan yang mereka buat dari satu masa ke satu masa.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Silakan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Minta penjelasan! Ya.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Ya. Tadi Yang Berhormat dari Jembu. . . . .

**Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus Jempol - Jempol!** J-E-M-P-O-L.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Jempol. . . . yang dia sendiri baru tahu, saya tidak tahu kawasan dia, yang telah menyebutkan bahawa Menteri Kewangan telah memberi keterangan ataupun jaminan, memberi rawatan yang percuma kepada golongan yang miskin, saya ingin meminta penjelasan daripada beliau. Apakah definisi kemiskinan yang dikatakan oleh Menteri Kewangan. Adakah semua hospital-hospital Kerajaan memberi rawatan percuma kepada semua orang dan pembedahan yang ada di hospital? Siapa yang layak memberi definisi siapakah dia di bawah golongan yang miskin dan berpendapatan rendah.

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*) Yang Berhormat. . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti! biar dia jawab dulu.

**Dr Eng Seng Chai:** Sebelum dia beri jawapan. . . . .

**Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Saya belum beri jalan lagi, Tuan Pengerusi.

**Seorang Ahli:** Satu-satu.

**Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Lepas ini Yang Berhormat dari Petaling boleh tanya, tiada masalah!

**Dr Eng Seng Chai:** Minta penjelasan, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan Yang Berhormat, teruskanlah.

**Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Pengerusi, kalau Yang Berhormat tahu Bahasa Malaysia, faham Bahasa Malaysia, baca ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan di muka 17, jelas menyatakan, dengan izin, Tuan Pengerusi, saya ada ucapan ini - dia tidak adalah itu - yuran dan pembayaran untuk rawatan pesakit luar termasuk ubat-ubatan dan rawatan hospital akan dikenakan atau dinaikkan. Walau bagaimanapun. . . . ini yang hendak kena faham! Golongan yang berpendapatan rendah akan terus diberi rawatan percuma. Bukankah terang? Jadi, kalau dia faham, fahamlah dia, Tuan Pengerusi. . . . .

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ada Yang bangun.

**Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Sekali sudahlah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud):** Dia tidak beri.

**Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Pengerusi. . . . .  
(*Disampuk*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud):** Terusakan, masa tidak banyak.

**Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Masa tidak banyak, cukuplah (*Disampuk*).

Tuan Pengerusi, dengan izin, if you don't understand Bahasa Malaysia, you read the English version!

Tuan Pengerusi, begitu juga tentang kemudahan-kemudahan yang disediakan di kawasan-kawasan luar bandar ini, secara spesifik saya suka menarik perhatian Kementerian berkenaan supaya mengkaji dengan teliti dari sudut perancangannya kerana pada pandangan saya banyak lagi kemudahan-kemudahan kesihatan bagi kawasan luar bandar ini, terutama sekali di dalam kawasan FELDA, perlu diambil tindakan seberapa cepat yang boleh.

Saya maklum bahawa Kerajaan telah mendirikan sama ada Pusat-pusat Kesihatan Besar, Pusat-pusat Kesihatan Kecil, klinik-klinik, rumah-rumah bidan dan lain-lain tetapi pada pandangan saya, terutama sekali bagi kawasan-kawasan FELDA, keadaan ini begitu mendesak dan begitu ketara kerana ini adalah merupakan kawasan-kawasan baru. Walaupun kemudahan-kemudahan sudah mula diadakan oleh Kerajaan seperti mengadakan klinik, rumah-rumah bidan, tetapi kemudahan-kemudahan itu kadangkala tidak dapat hendak menampung keperluan yang sentiasa meningkat kerana seperti kita semua maklum bagi kawasan-kawasan FELDA ini, kita sentiasa menambah bilangan peserta-peserta dari satu masa ke satu masa. Begitu juga klinik-klinik, rumah-rumah bidan dan pusat-pusat kesihatan besar, di mana bilangan dan jumlah penduduk-penduduk di persekitarannya telah berkembang dan meningkat amat perlu diteliti dan diperbesar, diperluaskan \* dan dipertingkatkan

kemudahan-kemudahan itu sesuai dengan perkembangan dan pergerakan masyarakat, terutama sekali di dalam kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menarik perhatian Kementerian berkenaan, tentang kesempitan kewangan yang dihadapi oleh Kementerian ini, sehinggakan ada program-program yang telah kita rancang untuk mendirikan hospital-hospital di peringkat daerah tidak dapat hendak kita sempurnakan untuk sementara waktu, jadi ini akan menambahkan lagi, meningkatkan lagi keperluan-keperluan bagi Kerajaan untuk menambahkan baik dari segi tenaga, pegawai ataupun kakitangan, begitu juga peralatan-peralatan kerana saya maklum ada di antara Pusat-pusat Kesihatan Besar, begitu juga Pusat-pusat Kesihatan Kecil yang menghadapi berbagai masalah untuk menampung keperluan yang kian meningkat. Jadi, Tuan Pengerusi, saya percaya bila Kerajaan menambah dan meningkatkan kemudahan-kemudahan seperti yang saya katakan tadi, ianya akan dapat meringankan lagi permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat di kawasan-kawasan luar bandar yang sentiasa berubah dan meningkat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud) Yang Berhormat** dari Kuantan.

6.18 ptg.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 163, B.34, Butiran 020000, Program/ Aktiviti Perkhidmatan Kesihatan Awam, Butiran Kecil 020100, iaitu Kesihatan Diri, 020200, Kesihatan Alam Sekeliling dan sekali gus dengan muka surat 168, P.34, Pecahan 00400.

Tuan Pengerusi, setelah kita mendengar banyak aspek-aspek kesihatan yang diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, saya rasa saya tidak perlu untuk meneruskan apa yang telah diperkatakan itu, tetapi saya ingin menyentuh perkara yang lebih umum, iaitu daripada segi hakikat bahawa kesihatan ini telah merupakan salah satu daripada keperluan-keperluan asas: makanan, perumahan, tempat tinggal, pendidikan dan tentu sekali kesihatan sekarang ini telah merupakan salah satu keperluan asas.

Tuan Pengerusi, dalam kehidupan masa kini, kehidupan moden ini, apa yang dikatakan "stress" merupakan satu faktor yang boleh mengakibatkan darah tinggi, boleh mengakibatkan sakit jantung dan kadang-kadang pula boleh mengakibatkan penyakit buah pinggang. Jadi apabila kita memperkatakan tentang tekanan (stress) kepada diri tentu sekali kita dapat membayangkan kehidupan kita pada zaman ini yang kebanyakannya berlegar di sekitar rumah, pejabat dan selepas pejabat soal-soal rekreasi.

Soal "stress" ini bukan sahaja terbatas di sebuah bandar besar seperti Kuala Lumpur ini, tetapi juga di bandar-bandar lain, termasuk juga bandar di kawasan saya, iaitu Kuantan, tetapi kalau kita memandang Kuala Lumpur sebagai satu contoh, kita akan dapat menghayati bagaimana seseorang itu harus menguruskan diri keluar daripada rumah pagi-pagi lagi untuk ke pejabat dan kadang-kadang bergopoh-gapah menghantar anak-anak ke sekolah dan selepas itu terpaksa pula menghadapi tekanan "lock-jam", dengan izin, di jalan-jalan raya. Ini adalah satu aspek yang betul-betul menekan fikiran, menekan hati dan juga menekan saluran jantung, yang tentunya sekali membawa akibat yang tidak baik kepada "temperament", mental dan

sebagainya sebahagian besar penduduk bandar besar seperti Kuala Lumpur ini.

Jadi, untuk kita menambah ataupun menaikkan mutu hidup, sebahagian besar penduduk-penduduk di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur ini saya rasa perlulah satu kesedaran yang boleh diilhamkan oleh Kementerian Kesihatan ini supaya Kerajaan kita boleh bertekad mengubah, umpamanya mengubah waktu bekerja sekarang ini pukul 8.00 kepada pukul 8.30 supaya masalah traffic jam ini tidak dihadapi oleh sebahagian besar penduduk-penduduk bandar, terutama sekali pegawai-pegawai Kerajaan yang terpaksa bangun pagi-pagi. Tetapi sekarang dengan adanya langkah seperti yang saya bayangkan ini mereka boleh merancangkan lagi hidup mereka supaya tidak terlalu terdesak kerana sekarang ini menghantar anak-anak ke sekolah adalah merupakan suatu yang "routine" yang bukan lagi berkecuali: Semua orang yang sudah berumah-tangga yang sudah mempunyai anak-anak terpaksa menghantar anak pagi-pagi lagi ke sekolah.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Kesihatan boleh menggubal ataupun boleh mempengaruhi pembuat keputusan, iaitu pucuk pimpinan kita, dengan izin, supaya kita boleh menukarkan waktu pejabat itu daripada pukul 8.00 kepada 8.30 atas sebab-sebab yang telah saya katakan sebentar tadi. Tentunya sekali perkembangan ini akan boleh menyumbang terhadap mutu hidup sebahagian besar tenaga-tenaga manusia kita, khasnya mereka di dalam perkhidmatan Kerajaan kerana perkhidmatan Kerajaanlah yang mendukung segala perancangan, segala pembangunan yang menjadi topik, menjadi perkara-perkara yang diperbincangkan dan diputuskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh juga tentang kesihatan alam sekeliling. Saya difahamkan apabila disebut kesihatan alam sekeliling di dalam Kementerian Kesihatan, ianya berkaitan dengan perparitan, soal-soal kebersihan di luar bandar, di pasar, di tempat-tempat awam yang lain. Di waktu ini soal kita menjaga kesihatan bukan sahaja dari segi perubatan, tetapi juga apa orang Inggeris panggil "preventive", iaitu kita menjaga diri supaya tidak dihindangi oleh penyakit. Salah satu caranya ialah berekreasi, termasuklah juga berjogging ataupun kadang-kadang hanya kita berjalan kaki sahaja. Dalam menjalankan aktiviti-aktiviti seperti ini salah satu perkara yang selalu menjadi faktor penting ialah keadaan yang bersih. Apabila kita hendak berjogging, kita mestilah melalui jalan, baik jalan di bandar, di luar bandar ataupun di kampung, jalan itu mestilah bersih daripada sampah sarap, bersih daripada segi pengaliran di parit dan sebagainya, kerana kebersihan itu sendiri menjadi satu galakan bagi rakyat dan bagi sesiapa sahaja untuk berjalan ataupun berjogging daripada satu tempat ke satu tempat supaya badan banyak angin, supaya yang gemuk makin kurang gemuknya dan yang kurus tentu sekali akan menjadi lebih "fit". Jadi, tentu sekali sekiranya pandangan dan perhatian diberikan kepada aspek kesihatan ini, seperti yang saya sebut sebentar tadi daripada segi alam sekeliling, ianya akan memberi sumbangan terhadap mutu hidup rakyat kita, baik di luar bandar ataupun di bandar-bandar.

Tuan Pengerusi, saya berpindah pula kepada P.34, muka surat 168, Aktiviti 00400, Pecahan Tajuk 17 Hospital Besar Kuantan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat ada satu minit sahaja lagi.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Terima kasih banyak. Saya nampak di sini peruntukan \$200,000 tetapi tentu sekali peruntukan ini telah diluluskan, tetapi apa salahnya kita memperkatakan sedikit.

Tuan Pengerusi, peruntukan \$200,000 ini memanglah kecil, saya tak tahu untuk apa sebenarnya kerana Laporan Prestasi tidak begitu lengkap untuk apa \$200,000. Apapun ukurannya \$200,000 tentulah terlalu kecil untuk sebuah bandar seperti Kuantan yang menampung penduduk kira-kira 170,000 orang. Oleh itu, saya mencadangkan kepada pihak Kementerian Kesihatan sekiranya ada "in the course of event", dengan izin, dalam tahun 1987 nanti peruntukan tambahan ataupun apa sahaja, saya harap peruntukan ini boleh diperbanyakkan, boleh diperbesarkan supaya ianya boleh mencerminkan satu pandangan yang serius terhadap sebuah Bandar Perdana - Kuantan itu saya anggap sebagai Bandar Perdana di Pantai Timur - kerana dengan menambahkan peruntukan lebih daripada \$200,000 itu kita memberi satu penghormatan kepada sebuah bandar yang menampung penduduk 170,000 orang. Kalau \$200,000 itu tentulah orang kata hanya lekat di celah gigi sahaja. Tentu sekali untuk membeli "equipment" perubatan, equipment itu bukan merupakan sesuatu yang "efficient" saya rasa dan tentu sekali banyak berkurangan. Saya sekali lagi menyeru supaya peruntukan yang lebih tinggi dalam proses tahun 1987 nanti dapat dibekalkan untuk maksud Hospital Besar di Kuantan.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan menjemput Timbalan Menteri untuk menjawab pada hari esok.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

ditangguhkan sehingga 2.30 petang  
esok.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan  
Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-  
ahli Yang Berhormat, Majlis

*Dewan ditangguhkan pada pukul  
6.30 petang.*